

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Kajian ini memberi tumpuan terhadap strategi komunikasi kanak-kanak Jepun prasekolah berdasarkan 8 sesi interaksi yang telah dipilih berdasarkan rakaman yang jelas dan transkripsi yang baik. Rakaman perbualan yang dijalankan secara natural (*naturalistic behaviour*) dan spontan ini berlangsung selama 1 jam dengan beberapa kali terhenti kerana masalah teknikal dan persekitaran yang bising. Walau bagaimanapun, rakaman data telah berjaya dijalankan sebanyak dua kali seminggu dan berlanjutan sehingga empat minggu termasuk minggu yang pertama untuk percubaan bagi membiasakan kanak-kanak dengan kehadiran penulis. Subjek kajian yang terlibat dalam ekstrak yang dipilih adalah seramai 24 orang dan berumur antara 3 hingga 6 tahun. Sebagaimana yang telah diterangkan di Bab 1, kajian ini bertujuan untuk melihat strategi-strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun di sebuah prasekolah di Kuala Lumpur . Kanak-kanak dalam kajian ini dinamakan sebagai kumpulan responden pertama. Bab ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian I akan membentangkan hasil dapatan tentang strategi-strategi komunikasi lisan yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah.

Di bahagian II pula, kajian akan tertumpu pada aspek strategi komunikasi bukan lisan yang diperoleh semasa kanak-kanak Jepun prasekolah ini melakukan aktiviti bebas mereka di waktu rehat. Dalam dapatan komunikasi bukan lisan ini, penulis memberi tumpuan khusus pada strategi bahasa tubuh iaitu pergerakan badan dan mimik

muka serta ‘*paralanguage*’ iaitu intonasi, nada suara dan penghentian seketika (*pause* atau jeda). Kajian juga akan melihat aspek nilai-nilai keharmonian (seperti mana yang dinyatakan di bab 2), sekiranya didapati wujud dalam komunikasi lisan dan bukan lisan kanak-kanak Jepun prasekolah tersebut di kedua-dua bahagian I dan II. Manakala bahagian III meliputi dapatan mengenai jenis-jenis strategi komunikasi lisan (yang diperoleh dari bahagian I) yang akan diuraikan berdasarkan gender kanak-kanak dan akan di paparkan dalam bentuk jadual atau carta. Akhir sekali di bahagian IV, kajian juga akan membentangkan hasil kaji selidik yang dijalankan ke atas sembilan orang ibu atau penjaga (dinamakan sebagai kumpulan responden kedua) kepada kanak-kanak Jepun prasekolah yang dipilih secara rawak.

Objektif utama soal selidik ini adalah untuk menyokong beberapa hasil dapatan kajian yang telah diperolehi di bahagian I. Antara beberapa aspek dapatan yang dikaji melalui soal selidik ini adalah mengenai perilaku anak-anak bermain di rumah, kekerapan anak-anak bertanya, panggilan nama atau ganti nama diri yang digunakan, respon ibu terhadap penggunaan gelaran negatif oleh anak-anak dan penggunaan *Malaysian English* dalam perbualan kanak-kanak Jepun. Secara keseluruhannya, di dalam bab 4 ini, dapatan-dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan susunan di bawah:

Bahagian I : Dapatan Strategi Komunikasi Lisan

Bahagian II: Dapatan Strategi Komunikasi Bukan Lisan

Bahagian III: Dapatan Strategi Komunikasi Lisan Mengikut Jantina

Bahagian IV: Dapatan Soal Selidik ke atas Ibu / Penjaga

4.1 Bahagian I: Dapatan Strategi Komunikasi Lisan

Bahagian ini menghuraikan hasil dapatan data kepada pelbagai jenis strategi komunikasi lisan yang telah diperoleh. Definisi bagi setiap strategi telah dijelaskan dalam bab 3 terlebih dahulu. Hasil dapatan yang diperoleh di tunjukkan dengan memberikan contoh ekstrak bagi setiap strategi. Bagi setiap ekstrak, strategi yang dikenalpasti telah dihitamkan ayat nya dan disertakan dengan huraian perbincangan untuk setiap dapatan. Secara ringkasnya, berdasarkan kerangka analisis yang digunakan seperti yang dinyatakan di dalam bab 3.7, hasil dapatan penulis adalah seperti berikut:

4.1.1. Strategi Pertanyaan

Secara umumnya, sebuah pertanyaan memerlukan suatu jawapan. Seperti mana yang dinyatakan di dalam Bab 3.8, apabila ujaran perbualan kanak-kanak Jepun ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia, strategi pertanyaan dalam konteks kajian ini memberi gambaran bahawa suatu pertanyaan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan informasi atau jawapan secara langsung tetapi juga mempunyai pelbagai fungsi secara tidak langsung iaitu seperti yang dihuraikan di bawah:

- i) Untuk memberi pendapat
- ii) Untuk mendapatkan kepastian
- iii) Untuk mendapatkan sokongan
- iv) Untuk menjaga perasaan dan
- v) Untuk mendapatkan informasi (secara langsung)

Huraian hasil dapatan, contoh ekstrak dan ujaran (yang dikenalpasti mengandungi strategi ini telah di hitamkan) untuk setiap fungsi bagi strategi pertanyaan adalah seperti berikut:

i) Fungsi: Memberi pendapat / cadangan

Rakaman perbualan sesi 1 (ekstrak 1 hingga ekstrak 3) telah diambil pada waktu rehat, di mana kebanyakan kanak-kanak (kumpulan responden pertama) yang berada dalam bilik yang sama, sudah mula membuat aktiviti yang telah diberi oleh guru mereka. Pada ketika ini aktiviti yang dilakukan adalah menampal keratan kertas warna untuk membentuk pokok krismas.

Ekstrak 1

Sesi 1

5. B1: *unh.. soren i ame furisou damon.sugu wa kaeranai to
ikenai kara..*
unh..sekarang pun dah nampak macam nak hujan. Sebab tu mesti balik cepatlah..
(Kalau tak balik cepat tak boleh lah..)

6. G1: *Kasa wo motte ikeba iin jyanai no...
Kalau bawa (guna) payung, oklah (tak apa lah) kan?...*

7. B1: *Kasa wa nain des kedo..
Tapi tak ada payung la..*

Dalam ekstrak 1 di atas, setelah selesai makan tengahari, B1 dan G1 memulakan aktiviti bebas mereka dengan menampal keratan kertas warna kepada lukisan pokok Krismas. Kertas lukisan pokok Krismas tersebut telah disediakan oleh guru dan diletakkan di suatu sudut yang mudah diambil oleh kanak-kanak tersebut pada bila-bila masa di waktu rehat setelah mereka selesai makan tengahari. Walaupun B1 dan G1 sedang membuat kerja-kerja tampalan mereka, cuaca yang sedang hujan di luar menarik perhatian mereka.

Sambil meneruskan kerja-kerja tampalan, B1 pada ujaran 5, menyatakan

pendapatnya bahawa dia merasakan cuaca kelihatan seperti hendak hujan tidak lama lagi. Kemudian B1 mengatakan bahawa disebabkan hari hampir hendak hujan, beliau mesti balik ke rumah segera. Dengan niat untuk bersempang, G1 membalas dengan memberikan pendapatnya kepada B1. Dalam perbualan ini, pendapat yang diberikannya dalam ujaran 6 adalah dalam bentuk pertanyaan. Ujaran G1 diakhiri dengan ‘*iin jyanai no*’ dengan intonasi yang sedikit meninggi yang membawa maksud “ok lah kan? (tak apa lahkan?)”.

G1 memberikan pendapat yang bermaksud bahawa jika mereka membawa payung sudah pasti mereka tidak akan terkena hujan. Ini bermakna tidak akan menjadi masalah untuk mereka jika pulang ke rumah sama seperti hari-hari lain. Di sini, dapat dilihat bahawa G1 ingin memberikan pendapatnya tetapi tidak mahu kelihatan terlalu memandai atau kelihatan lebih cerdik dari orang lain jika dia berkata sebaliknya. Contohnya, ‘kamu semua tak bawa (ada) payung ke?’ ataupun ‘Kenapa tak bawa payung? Soalan yang terlalu ‘*direct*’ atau secara langsung sebegini mungkin boleh membuat rakan lain tersinggung atau marah.

Sebaliknya, G1 telah menggunakan ‘kalau...’ iaitu “*motte ikeba, iinjyanai no*” dalam ujaran 7. Setelah diterjemahkan, kehadiran ‘kan’ (*no*) pada penghujung ayat dengan intonasi menaik atau meninggi dalam ujaran 7 menjadikan ia satu ayat berunsur pertanyaan. Dengan itu perkataan ‘*iin jya nai no..*’ yang bermaksud ‘oklah kan?’ atau ‘tak apa lah kan?’ seolah bertanya pendapat rakan-rakannya, akan membuatkan rakan-rakan rasa selesa. Kanak-kanak G1 telah berjaya menggunakan strategi

pertanyaan sebagai satu strategi komunikasi untuk memberi pendapatnya. Pada masa yang sama perbualan mereka menjadi harmoni dan disambut baik oleh B1 yang akhirnya menjawab dengan mengatakan bahawa dia tidak mempunyai payung.

Walaupun dengan pertanyaan G1 yang berlapik ini, B1 telah dapat menjawab dengan baik kerana memahami isi pertanyaan G1 dengan baik. Ini menunjukkan bahawa G1 telah menunjukkan satu ciri keharmonian iaitu empati atau ‘omoiyari’. Di dalam kes ini, G1 menunjukkan sikap menjaga perasaan rakannya agar rakannya itu tidak tersinggung atau terasa hati dengan soalan yang ditanya.

Ekstrak 2

Sesi 1

36. B1: *Nara, Yamaoka haruto kun te yobeba, iinjyanai..*
Kalau panggil nama Yamaoka Haruto ‘kun’ oklah... kan?
37. G3: *Yamaoka Haruto ‘kun’!* (sambil meninggikan suaranya seolah menjerit dan memanggil nama kawannya itu)
38. B1: *Okubo Haruto ‘kun’!*
(mengulang perkara yang sama dengan nama rakan lain)

Ekstrak 2 di atas juga mempunyai fungsi memberi pendapat atau cadangan seperti di ekstrak 1. Dalam ujaran 36 di atas dapat dilihat B1 mencadangkan penggunaan nama Yamaoka Haruto dengan meletakkan ‘kata kerja + ba iinjyanai’ yang bermaksud ‘kalau...(kata kerja)..oklah kan?’ Cara penyampaian ayat ini telah memberikan keselesaan kepada pendengarnya iaitu G3. Ini kerana B1 tidak memaksa malupun menegaskan G3 untuk memanggil dengan nama (Yamaoka Haruto) itu, tetapi sebaliknya memberi cadangan atau pendapatnya secara lembut dan beradab dengan menggunakan ‘kalau...oklah kan?’ Ini dapat dibuktikan dengan jawapan G3 yang

memahami maksud B1 dan menjawab seperti mana yang dicadangkan B1 padanya di ujaran 37. Untuk dapatan ini, pendapat yang diberikan dengan ujaran yang lembut dan beradab ini juga menunjukkan unsur keharmonian *omoiyari* atau empati di mana B1 memberi pendapat dan dapat diterima dengan baik oleh rakannya. (tanpa rasa tercabar atau pun tersinggung)

ii) Fungsi: Untuk mendapatkan kepastian

Di dalam sesi 1, ekstrak 3 seterusnya adalah ketika penulis sedang mengarahkan kamera ke suatu sudut dimana dua orang kanak-kanak sedang melakukan aktiviti mewarna, tiba-tiba datang seorang kanak-kanak, B5 berdiri di hadapan penulis dan memperkenalkan dirinya sebagai Yamamoto Ryota.

Ekstrak 3

Sesi 1

- | | |
|---|--|
| 18. B5: <i>Yamamoto Ryota desu.</i>
Yamamoto Ryota (sambil memandang kearah penulis ketika memperkenalkan dirinya) | |
| 19. G1: <i>Ryuki kun no oniichan da yo!</i>
Abang pada Ryuki ‘kun’ lah.(sambil memandang & memberitahu B3) | |
| 20. B3: <i>Sou yo.</i> (mengangguk tanda setuju dengan G1)
Ya lah. | |
| 21. G3: <i>Yamamoto Ryota to Ryuki da yo ... ne</i> ↑
Yamamoto Ryota dan Ryuki lah...kan? | |

Dalam keadaan penulis tidak sempat membalas ujaran 18 oleh B5, G1 yang berada berdekatan dengan meja yang berhampiran terus memberitahu penulis bahawa B5 adalah abang kepada Ryuki. G1 dalam ujaran ini seperti membantu B5 memperkenalkan dirinya dengan lebih terperinci. Pada masa yang sama G1

memandang kepada B3 seperti meminta kepastian kepada B3 atas apa yang diujarkan tadi. B5 mengakui bahawa perkara ini adalah benar.

Dalam ekstrak 3 ini juga, G3 yang mengikuti perbualan kumpulan ini sejak tadi, telah membuat satu pertanyaan dalam ujaran 21. Pertanyaan yang diajukan ini berfungsi untuk mendapatkan kepastian daripada rakannya, (tidak tertera dalam ekstrak di atas) bahawa mereka sedang bercakap tentang hubungan dua beradik Yamamoto Ryota dan Yamamoto Ryuki. Dalam ujaran 21 ini, penggunaan sebutan ‘ne’ lebih bermaksud ‘kan’ dalam Bahasa Malaysia perbualan iaitu singkatan dari perkataan ‘bukan’ yang biasanya digunakan ketika hendak meminta kepastian dan sokongan. Dalam bahasa Jepun, penggunaan ‘ne’ dalam ujaran didapati berfungsi untuk melembutkan pertanyaan jika digunakan dalam sesuatu ujaran berbentuk pertanyaan (Masuoka, 1991; Saji, 1991). Maka, kajian mendapati pertanyaan dalam ujaran 21 ini, memaparkan fungsi untuk meminta kepastian dan *omoiyari* sebagai ciri-ciri keharmonian di antara G3 dan pendengarnya.

Seterusnya, sesi 2 adalah berkenaan dengan sekumpulan kanak-kanak perempuan yang sedang membuat aktiviti menjahit.

Ekstrak 4

Sesi 2

6. G6: *mou korede,. deki agari..* ↑

Macam ni.. dah siap?

(ambil memandang ke arah kerja tangan G5 yang di anggap sudah siap)

7. G5: *unh..mou dekita!*

Ye...dah siap!

Dalam ekstrak 4, G6 tiba-tiba datang menghampiri meja untuk melihat hasil jahitan G4 dan G5. Kemudian G6 di ujaran 6, terus bertanya samada G4 dan G5 sudah menyiapkan hasil jahitan mereka. Walaupun G6 dapat melihat yang hasil kerja jahitan G5 sudah hampir siap, namun dia tetap bertanya untuk mendapatkan kepastian dari G5. Penulis mendapati ujaran 6 tidak diakhiri dengan penggunaan ‘ne’ yang bermaksud ‘kan’ dalam Bahasa Melayu, tetapi ia mempunyai nada (intonasi) yang menaik seperti pertanyaan yang memerlukan kepastian dari pendengarnya. Di ujaran 7, G5 kemudiannya mengakui bahawa hasil kerja tangan beliau sudah pun siap. Maka ini menunjukkan fungsi pertanyaan di ujaran 6 adalah untuk mendapatkan kepastian. Hasil kajian mempamerkan ciri-ciri bekerjasama sebagai satu ciri keharmonian antara G4, G5 dan G6 dalam sesi 2 ini.

iii) Fungsi: Untuk mendapatkan sokongan

Ketika kumpulan kanak-kanak dalam bilik sedang melakukan aktiviti bermain di waktu rehat iaitu menampal kertas warna untuk membentuk pokok krismas, mereka berbual sesama mereka tentang pertalian saudara dan rakan-rakan yang mempunyai nama keluarga yang sama.

Di ekstrak 5 di bawah, G2 telah memahami dari perbualan sebelumnya iaitu apabila nama keluarga adalah sama, kemungkinan mereka adalah bersaudara atau adik beradik adalah sangat besar. Dalam hal ini, di ujaran 25, G2 telah memahami bahawa Yamamoto Ryota dan Yamamoto Ryuki adalah bersaudara (rujuk Lampiran 4.1, ujaran 21 dan 22).

24. G1: *Dou shite kyodai na no*
Kenapa pulak dua beradik?
25. G2: *Datte..Yamamoto - Yamamoto dakara ne!*
Dah tu..kan Yamamoto-Yamamoto kan..
- ↑
26. G2: ***Da ne...Ami chan***
- Betul kan...Ami ‘chan’?**
27. G3: *unh..datte*
unh..ye lah(agaknya)
28. B1: Hiroto (tidak dapat dengar dengan jelas)
29. G3: *Dakedo.. Yamamoto to Yamamoto ga machigaisou*
Tapi..Yamamoto dan Yamamoto macam tak sama aje

G2 juga berpendapat iaitu Yamamoto Yurika dan Yamamoto Kae juga adalah bersaudara. Namun beliau ingin menguatkan kenyataan bahawa Yamamoto Yurika dan Yamamoto Kae adalah dua beradik dengan cuba mendapatkan sokongan dan persetujuan G3 pada ujaran 26 menggunakan ‘da ne..’ yang bermaksud ‘betul kan’ dengan intonasi menaik. Maka dalam hal ini G3 telah memberikan sokongannya pada ujaran 27 dengan menyebut..’datte’ yang bermakna ‘ye lah’ (agaknya) yang membawa makna ‘itulah yang saya dengar’ dalam konteks ayat ini. Ujaran 27 menampakkan G3 tidak begitu pasti tetapi tetap memberi sokongan pada G2.

Namun begitu, pada ujaran 29, G3 juga telah menyuarakan pendapatnya yang agak bertentangan (dengan ujaran 27) iaitu beliau berpendapat kemungkinan Yamamoto Yurika dan Yamamoto Kae bukanlah dua beradik. Penulis menyatakan sedemikian kerana, G3 meletakkan ‘sou’ pada hujung ujaran 29, yang bermaksud ‘seperti’ atau ‘macam’. Dalam ujaran 29 ini, penggunaan ‘sou’ menunjukkan G3 ingin menyatakan

pendapatnya secara lebih jujur tetapi tanpa menguris perasaan G2. G3 kelihatan tidak begitu setuju dengan G2 tetapi untuk tidak melukakan perasaan G3 beliau menggunakan ‘*machigaisou*’ yang bermaksud ‘macam tak sama saja’ di dalam ujaran 29 iaitu satu pendekatan yang ‘lembut’ dan tidak menguris hati orang yang mendengarnya. Maka dalam ekstrak ini, kajian telah menunjukkan strategi pertanyaan yang digunakan berfungsi untuk mendapatkan sokongan. Penggunaan perkataan ‘*machigaisou*’ dalam ujaran G3 (ujaran 29) pula menunjukkan G3 mempunyai sifat ‘*omoiyari*’ atau empati (terhadap G2) sebagai ciri keharmonian.

Situasi dalam ekstrak 6 juga menceritakan tentang kanak-kanak Jepun prasekolah ini sedang melekatkan kertas-kertas warna untuk membentuk pokok krismas. Ketika sedang melakukan aktiviti ini, sekumpulan kanak-kanak berbual tentang nama-nama yang popular. G2 mungkin bermaksud nama-nama yang popular dalam kalangan rakan-rakan mereka yang berada di prasekolah ini.

Ekstrak 6

Sesi 1

39. G2:*Yamaoka Haruto kun dai ningki dayo ne*
Yamaoka Haruto ‘kun’ paling popular lah kan?
40. G2: *ne...ne... Yamaoka Haruto kun dai ningki dayo!*
 kan...kan...Yamaoka Haruto ‘kun’ paling popular lah!
41. G2. *Yamaoka....Yamaoka dai...dai..dai ningki dayo!*
 Yamaoka..Yamaoka paling...paling..paling popular lah!..
42. B1: *Nani ga dai ningki na no*
Apa nya yang paling popular ?

Ekstrak 6 di ujaran 39 menggambarkan G2 menggunakan perkataan ‘*dayo ne*’ pada hujung ujarannya dengan intonasi yang menaik sedikit. Ujaran 39 merupakan satu bentuk pertanyaan yang memerlukan maklum balas dan sokongan dari pendengar. Oleh kerana tidak mendapat maklum balas, G2 menguatkan lagi pertanyaan atau permohonan nya untuk mendapatkan sokongan dengan membuat satu ayat pemberitahuan seperti di ujaran 40 dan ujaran 41 dengan menggunakan *ne...ne* yang bertujuan untuk menarik perhatian pendengar untuk memberikan sokongan . Dalam ujaran 42, penggunaan ‘*na no*’ yang diletakkan di hujung ujaran, (setelah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu) menjadikan pertanyaan lebih ‘mesra’.

Pada masa yang sama penggunaan ‘*na no*’ menjadikan sesuatu pertanyaan itu lebih sopan dan lembut. Biasanya, penggunaan ‘*na no*’ di hujung ujaran digunakan dalam kalangan kanak-kanak, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak perempuan dan kaum wanita untuk melembutkan cara penyampaian sesuatu pertanyaan. Walau bagaimanapun, penggunaan ‘*na no*’ di sini tidak mempunyai maksud apa-apa. Ia lebih berfungsi untuk melembutkan pertanyaan. Ini seperti mana yang dinyatakan oleh Niyekawa (1991), berkenaan dengan ‘*sentence particle*’ seperti ‘*no, wa, yo, ne*’ dan ‘*na no*’ yang biasanya digunakan oleh orang perempuan. Namun demikian, dalam ekstrak 6 di atas, ‘*na no*’ juga telah didapati digunakan oleh kanak-kanak lelaki. Ini mungkin kerana kanak-kanak ini (B1) terlalu biasa atau terikut-ikut dengan cara ibu mereka berinteraksi dengan mereka ketika berada di rumah.

iv) Fungsi: Untuk menjaga perasaan

Dalam ekstrak 7 di sesi 1 kanak-kanak sedang melakukan aktiviti menampal kertas warna untuk membuat pokok krismas dan ada yang berjalan-jalan sambil melihat rakan mereka melakukan aktiviti menampal. Di ujaran 15, B3 datang menghampiri penulis. Dia kelihatan begitu teruja untuk diambil gambar. Pada waktu yang sama, B1 menghampiri B3 yang kelihatan seperti ingin tahu sebab penulis memegang kamera video. Gelagat mereka menunjukkan mereka (B1 dan B3) kelihatan tidak kekok dengan kehadiran orang luar seperti penulis.

Ekstrak 7

Sesi 1

Penulis: *Konnichiwa! nan sai?.. go sai?.. roku sai? onamae wa?*

Selamat tengahari! Berapa umur?.. lima tahun?.. Enam tahun? nama?

15. B3: *Tanimoto Kazuya des! Boku go sai!*

Tanimoto Kazuya! Saya... lima tahun!

16. B1: *Teka..eigojin dakara eigo de iwanai to wakaranainjya nai no..* ↑

Kan ‘orang bahasa inggeris’? jadi kalau tak sebut dalam Bahasa Inggeris mungkin tak faham kan..

17. B3: *Oniichan.. go sai!*

Abang..lima tahun!

Dalam ekstrak 7, penulis cuba mengajukan soalan mengenai umur kepada B3.

Selepas ditanya, B3 terus menjawab dengan petahnya dalam ujaran 15. Namun begitu, B1 hanya memerhati B3 dan cuba mencelah serta menegur B3 dalam ujaran 16. B1 pada ujaran 16 bermaksud untuk menegur B3 tetapi melakukannya dalam bentuk pertanyaan yang lembut dengan penggunaan ‘no’ di hujung ujaran untuk menjaga perasaan rakannya (B3). B1 mengujarkan sebegitu, seperti hendak memberi cadangan kepada B3 untuk bercakap dalam bahasa Inggeris dengan penulis supaya penulis dapat

memahami apa yang dikatakannya. Maka ujaran 16 ini menunjukkan terdapat ciri-ciri empati (menjaga perasaan B3) yang merupakan salah satu aspek keharmonian.

Dalam ujaran 16 juga, penggunaan perkataan ‘*orang Bahasa Inggeris*’ atau ‘*eigojin*’ telah digunakan oleh B1. B1 mungkin sebenarnya ingin memberikan maksud ‘*orang asing*’ pada ujaran 16. Namun kerana B1 tidak mempunyai perbendaharaan kata yang mencukupi (dalam bahasa Jepun), memandangkan usia nya yang masih muda (3 tahun), maka beliau menggunakan perkataan ‘*orang Bahasa Inggeris*’ bagi menyatakan maksud nya. Walau bagaimanapun, B3 pada ujaran 17 (seperti tidak mengendahkan apa yang dikatakan oleh B1) meneruskan ujarannya dalam bahasa Jepun. Ini bermakna, terdapat kemungkinan bahawa B3 tidak mengetahui bagaimana untuk menyatakan ujaran 17 itu, dalam bahasa Inggeris sepertimana yang disuruh oleh rakannya B1.

v) Fungsi: Untuk mendapatkan informasi (pertanyaan secara langsung)

Situasi di sesi 7 adalah mengenai sekumpulan responden kanak-kanak yang sedang membina ‘keretapi’ dengan blok-blok mainan dan kemudian berlakon seperti mereka sedang berada di atas keretapi yang sedang bergerak.

Ekstrak 8 yang seterusnya, menunjukkan fungsi untuk mendapatkan informasi iaitu pertanyaan secara langsung. Ketika perbualan ini sedang berlangsung, ‘keretapi’ sudah mula ‘bergerak’ dengan bunyian yang dibuat oleh suara salah seorang kanak-kanak dalam kumpulan ini.

Ketika ini, G11 dari kumpulan yang lain datang sambil memegang satu blok dan bertanya seperti di ujaran 22. Dari ekstrak 8, boleh dilihat bahawa jawapan yang diberikan oleh B10 dalam ujaran 23 membuktikan ujaran G11 adalah satu pertanyaan. G11 bertanya di ujaran 22 dan setelah difahami oleh pendengar sasarannya, G11 pun mendapat jawapan yang dinantikan iaitu di ujaran 24.

Ekstrak 8

Sesi 7

22. G11: Kono nagai no tsukaimaisu	↑
Yang panjang ni guna tak?	
(sambil memegang blok yang panjang dan menghala kepada B1)	
23. B10: <i>Hait!...</i>	
Ye!..	
(menganggukkan kepalanya dari tempat dia berdiri, bahawa dia memerlukan blok yang ditunjukkan itu)	
24. G11: <i>Hait!</i>	
Ye! (sambil menghulurkan blok kepada B1)	
25. B10: <i>Arigato gozaimashita!</i>	
Terima kasih! (tunduk tanda hormat seperti peniaga terhadap pelanggannya)	
26. G11: <i>Do itashi mashite.</i>	
Sama-sama. (membalas tunduk hormat)	

Selain daripada itu, ekstrak 8 juga menggambarkan bahawa G11 dalam ujaran 22 bertanya secara langsung kepada B10 sama ada blok mainan yang dipegang olehnya ingin digunakan oleh B10 atau sebaliknya. B10 dalam ujaran 23 memberikan jawapan bahawa dia memerlukan blok mainan yang dipegang oleh G11. Maka, G11 bertindak menghulurkan blok mainan tersebut kepada B10. Ujaran 22 oleh G11 menunjukkan terdapat unsur keharmonian iaitu menghormati hak orang lain. Selain itu, ujaran 25

yang dikatakan oleh B10 turut mengandungi unsur keharmonian iaitu menunjukkan tanda hormat dan menjaga perasaan orang lain. B10 tidak bertindak memberi ujaran marah kepada G11 kerana risau blok mainan tersebut akan diambil oleh G11. Sebaliknya, ujaran 25 jelas menunjukkan B10 menghargai tindakan G11 apabila beliau (G11) menyerahkan semula blok mainan kepadanya (B10).

Situasi di ekstrak 9 berlaku apabila G1 bertanya kepada G2 kerana kekeliruannya terhadap dua pangkal nama yang sama. G1 menyambung ayat pertanyaannya apabila timbul ketidakfahaman G1 dalam kaitan dua pangkal nama yang sama dengan hubungan adik-beradik.

Ekstrak 9

Sesi 1

22.G1: *Yamamoto Yurika to Yamamoto Kae to onaji ka* ↑

Sama ke macam Yamamoto Yurika dengan Yamamoto Kae?..

23. G2: *Kyodai da mon..*

Kan dua beradik..

24. G1: *Dou shite kyo dai nano..*



Kenapa pulak dua beradik?

25. G2: *Datte... Yamamoto-Yamamoto dakara ne!*

Dah tu... Yamamoto-Yamamoto kan!

Dalam ekstrak 9, G1 dalam ujaran 22 telah bertanya kepada G2 untuk mendapatkan jawapan mengenai persamaan dua pangkal nama. G1 telah menggunakan pertanyaan secara langsung bagi mendapatkan jawapan daripada G2 atas kekeliruannya. G2 memberi jawapan (ujaran 23) kepada G1 dengan mengandaikan bahawa persamaan dua pangkal nama tersebut disebabkan oleh hubungan dua beradik.

Walau bagaimanapun, G1 dalam ujaran 24, menunjukkan kesukaran memahami kaitan antara persamaan dua pangkal nama dengan hubungan dua beradik yang dijawab oleh G2 dalam ujaran 23. Lalu, dalam ujaran 25, G2 memberikan jawapan kepada pertanyaan G1 (ujaran 24) bahawa persamaan pangkal nama adalah bermaksud mereka mempunyai hubungan saudara. Penggunaan perkataan *datte* di awal ujaran 25 dalam konteks ini, memberi maksud ‘dah tu’. Maka dalam kedua-dua ujaran 22 dan ujaran 24 ini menunjukkan kanak-kanak yang terlibat menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan informasi secara langsung. Ini dibuktikan dengan kedua-dua ujaran 21 dan 24 disusuli dengan jawapan atau respon dari sasaran pendengar masing-masing. Dalam ekstrak ini penulis juga dapat melihat bahawa kesabaran yang ditunjukkan oleh G2 dalam menjawab pertanyaan G1 untuk kali kedua menunjukkan beliau memahami perasaan G1 yang tidak memahami ujarannya sebelum itu (ujaran 23). Maka di sini nilai keharmonian seperti memahami perasaan dan empati, yang digariskan oleh Tobin et al. (1989), Lebra(1976) dan Nagashima (1973) telah dapat dilihat .

4.1.2 Strategi Permintaan

Merujuk kepada definisi yang telah diuraikan di bab 3.8, strategi permintaan yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah selaku responden telah dibahagikan kepada 3 fungsi yang berbeza. Antara fungsi-fungsi strategi permintaan yang terdapat dalam ujaran mereka adalah seperti berikut:

1. Meminta sesuatu
2. Meminta keizinan melihat
3. Meminta tunjuk ajar

Analisis di bawah ini disusunkan mengikut fungsi strategi permintaan yang dinyatakan berserta dengan contoh ekstrak untuk dibincangkan:

i) Fungsi : Meminta sesuatu

Ekstrak 10 menunjukkan kanak-kanak sedang duduk di atas kerusi masing-masing sambil menunggu untuk diberikan borang kemas kini kelas masing-masing setelah selesai waktu makan.

Ekstrak 10

Sesi 1

53. G1: **Tanpopo...kudasai!**

Tolong bagi... ‘Tanpopo’! (menghulurkan tangannya)

54. B4: Sumirei..Tanpopo...Rengei.. (sambil mengedar kertas / borang)

55. (B1,B2,B3,B4,G1,G2,G3): *Hait!*

Ya!... (bersorak bersama-sama dan kelihatan gembira)

Dalam ekstrak 10, G1 seperti mana rakan-rakannya yang lain sedang duduk di atas kerusi masing-masing sambil menunggu untuk diberikan borang kemaskini kelas kepada wakil kelas masing-masing. Dalam ujaran 53, G1 menjerit kepada B4 untuk meminta diberikan kertas itu kepadanya (G1) sebagai mewakili kanak-kanak dari kelas *Tanpopo*. Kertas atau borang kemaskini itu diedarkan kepada semua wakil setiap kelas iaitu, *Tanpopo*, *Sumirei* dan *Rengei*. Maka di ujaran 53, penggunaan strategi permintaan dengan fungsi meminta sesuatu, dapat dilihat dengan jelas dengan tindak balas B4 memberi (di ujaran 54) borang yang diminta oleh G1. Selain daripada itu, sifat bertanggungjawab G1 (bagi pihak kelas) dan B4 (bagi mewakili guru untuk mengedarkan borang) dapat dilihat sebagai salah satu ciri keharmonian yang terdapat

dalam ekstrak ini.

ii) Fungsi: Meminta keizinan melihat

Ekstrak 11 menerangkan mengenai situasi di mana kanak-kanak sedang menyiapkan hasil kerja tangan menampal keratan kertas warna untuk membentuk pokok krismas.

Ekstrak 11

Sesi 1

58. G2: *Minami wa... mada konnano...*

Minami punya...baru macam ni (sambil menunjukkan pokok krismas nya yang belum siap.)

59. G1: ***Misete!***

Tengok, boleh?

60. G2: *Kochi wa dekita kedo, kochi wa mada dekite nai..*

Yang ni dah siap tapi...yang ni belum siap lagi.
(sambil menunjukkan kedua-duanya)

Dalam ekstrak 11 di atas, GI pada ujaran 59 meminta izin untuk melihat pokok krismas yang sedang disiapkan oleh G2. Walaupun G1 berada pada jarak yang dekat dengan G2 dan mampu untuk melihat melalui sedikit pergerakan mata ke sebelah, G1 tetap meminta izin (melalui ujaran 59) kepada G2 untuk membenarkan dia melihat tampilan pokok krismas yang sedang disiapkan oleh G2. Ujaran 59 oleh G1 menunjukkan ciri-ciri keharmonian iaitu menghormati hak dan perasaan orang lain. GI meminta izin kepada G2 sebelum melihat hasil lukisan pokok krismas yang sedang disiapkan olehnya (G2) sebagai tanda menghormati hak G2 iaitu hasil kerja tampilan milik rakannya, G2. Sebaliknya, kemungkinan G1 akan menyinggung perasaan G2 sekiranya dia tidak meminta izin sebelum melihat hasil lukisan pokok krismas yang sedang disiapkan oleh G2.

Maka dengan ini, dapatan kajian menunjukkan, selain daripada menghormati hak orang lain, G1 juga menunjukkan sifat yang sopan sebagai nilai keharmonian dengan meminta izin rakannya dahulu sebelum melihat kerja tangan rakannya itu. Ujaran ini dibalas oleh G2 dalam ujaran 60. Dari hasil tindakan G2 dalam ujaran 60 membuktikan pertanyaan di ujaran 59 oleh G1, berfungsi untuk meminta izin melihat.

iii) Fungsi: Meminta diberi tunjuk ajar

Dalam ekstrak 12 bagi sesi 2, kanak-kanak sedang menyiapkan suatu hasil kerja tangan dengan menjahit.

Ekstrak 12	Sesi 2
<p>1. G5: <i>Dokomade yatta ke</i>_ (Tadi, kita) Dah buat sampai mana ye (agaknya)?_</p> <p>2. G4: <i>Ne..Momo chan, kore do yatte suru no yukkuri yatte..</i> Ni...Momo chan, yang ni, macam mana kita buat ye? Tunjukkan perlahan-lahan ye...</p>	

Dalam ekstrak 12 di ujaran 1, G5 bertanya kepada G4 untuk mengetahui tempat mana yang dia harus menyambung kerjanya. G5 mengakhiri ujarannya (ujaran 1) dengan penggunaan perkataan “ke” yang mengandungi maksud “agaknya”. G4 tidak menjawab secara langsung, sebaliknya membalas dengan ujaran 2 iaitu meminta G5 mengajarnya dengan setiap langkah yang ditunjukkan secara perlahan-lahan agar dia (G5) mudah memahami. Dalam ujaran 2, jelas menunjukkan kanak-kanak Jepun telah dididik dengan nilai bekerjasama dalam satu pasukan. G5 telah meminta pertolongan kepada G4 untuk mengajarnya.

4.1.3 Strategi Bantahan

Dalam kajian ini, penulis telah menemui beberapa bentuk strategi bantahan. Strategi-strategi bantahan ini telah dibahagikan kepada beberapa fungsi seperti di bawah:

1. Membantah dengan memberi amaran
2. Membantah dengan membuat tuduhan
3. Membantah dengan membuat penegasan

i) Fungsi: Membantah dengan memberi amaran

Situasi di ekstrak 13 adalah mengenai sekumpulan kanak-kanak yang telah menyiapkan beberapa kotak ramalan dan kemudian menulis ramalan rakan-rakan mereka di atas kertas kecil. Setelah itu, mereka menggulung dan mengisi gulungan-gulungan kertas ramalan itu ke dalam kotak ramalan. Seterusnya, mereka mengambil giliran untuk mencabut kertas ramalan yang akan menerangkan nasib masa depan yang direka oleh rakan-rakan mereka. Kanak-kanak yang terlibat membuat kotak ramalan dalam kumpulan ini terdiri daripada kanak-kanak lelaki.

Dalam ekstrak 13, B4 telah memberitahu G7 bahawa, rakannya akan berkahwin dengan Yumeiho (G9) dalam ujaran 2. Walaupun G9 tidak berada di bilik tersebut pada ketika itu, rakannya, G7 kelihatan tidak menyenangi apa yang didengari nya. G7 kemudian bertindak memberi amaran kepada B4 seperti di ujaran 7.

2. B4: *Sato to Yumeiho ga kekkon surun datte.!*
 Sato dengan Yumeiho kan... nak kahwin katanye.
3. G7: *Nan to iitta..*
 Apa awak cakap?? (dengan meninggi suara dan meletak tangan di pinggang)
4. G7: *ne...kimochi warui!*
 eei...nak termuntahlah!
5. G8: *ne..ne.. Ryutachi ...kimochi warui!*
 ni..ni..Ryutachi... nak termuntah!
6. B6: *Eroishi..kimochi warui*
 Eroishi...nak termuntah!
7. G7: *sono koto... katte ni kimenai no!*
 Jangan pandai-pandai nak buat cerita ye!

Ujaran 7 menunjukkan G7 menggunakan strategi bantahan dengan memberi amaran terhadap B4. Sikap G7 ini juga menggambarkan beliau sedang mempertahankan harga diri rakannya (G9 iaitu Yumeiho) yang tidak ada di lokasi ketika ujaran ini berlangsung. Maka dari ujaran 7 ini, dapat dilihat bahawa bantahan juga boleh berfungsi sebagai memberi amaran. Apabila dijelaskan dengan lebih terperinci , ujaran ini membawa maksud G7 memberi amaran terhadap B4 supaya tidak membuat cerita yang tidak benar tentang rakannya, G9. Dengan itu, ujaran 7 juga menunjukkan terkandung nilai-nilai empati seorang kanak-kanak Jepun (G7) terhadap rakannya (G9).

ii) Fungsi: Membantah dengan membuat tuduhan

Ekstrak 14 pada sesi 5 menunjukkan, kanak-kanak masih sedang membuat kotak ramalan iaitu dalam situasi yang sama seperti di ekstrak 13.

Ekstrak 14

Sesi 5

- | | |
|---|---|
| 7. B6: <i>Kaho wa hato ga suki!</i>
Kaho suka pada ‘Hato’! | |
| 8. G7: <i>Hhe</i> ↑ (menampakkan air muka yang marah) | |
| 9. B6: <i>Kaho wa....</i>
Kaho kan.... | |
| 10. G7: <i>Uso tsuke</i>
Pembohong! | ↑ |

Dalam ujaran 10, B6 telah membuat tuduhan dengan menyatakan bahawa G7 menyukai salah seorang daripada rakan mereka. Kenyataan tersebut telah menimbulkan kemarahan G7 pada ujaran 8 sambil menunjukkan air muka yang marah. Walau bagaimanapun, B6 tidak menghiraukan kemarahan yang ditunjukkan oleh G7 pada ujaran 8. B6 meneruskan tuduhan tersebut pada ujaran 9 tetapi tidak sempat menghabiskan ujarannya setelah dicelah oleh G7 pada ujaran 10. Dengan nada yang tinggi, G7 membantah tuduhan B6 dengan menuduh B6 sebagai pembohong kerana telah sengaja mereka cerita yang tidak benar tentang diri nya (G7). Maka, ujaran 10 dalam ekstrak ini menjelaskan penggunaan strategi bantahan yang berfungsi sebagai membuat tuduhan. Kajian tidak menemui sebarang nilai keharmonian di dalam ekstrak ini.

iii) Fungsi: Membantah dengan membuat penegasan

Kanak-kanak pada sesi 5 masih melakukan aktiviti membuat kotak ramalan. Hasil ekstrak yang diperolehi daripada sesi 5 menunjukkan bahawa aktiviti kotak ramalan yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut telah menimbulkan ujaran berbentuk bantahan dalam kalangan mereka.

Ekstrak 15

Sesi 5

- | | |
|---------|--|
| 14. | B4: <i>Ryuchi kun to Aoi chan wa kekcon suru te kaite attan da mo.....</i>
Dah tu, ada tertulis Ryuchi kun kawin dengan Aoi chan kan... |
| 15. G8: | <i>Sonna ero to kekcon shita kunai!</i> ↑ (dengan intonasi yang sangat
Tak nak kahwin dengan budak gatal tu! meninggi) |
| 16. G7: | <i>Anna ero to kekcon shita kunai</i> ↑
Tak nak lah kawin dengan budak gatal macam tu! |
| 17. | B6: <i>Yatta! Ore no saikyo waza wo kaita zo!</i>
Dah dapat! Aku punya kehebatan pun ada tertulislah! |

Dalam ekstrak 15 di atas, G8 telah menunjukkan bahawa dia sama sekali tidak bersetuju dengan perkara yang dikatakan oleh B4 dalam ujaran 14 bahawa “Ryuchi kun akan berkahwin dengan Aoi chan”. Kenyataan B4 pada ujaran 14 adalah cabutan kertas ramalan yang diperolehi daripada kotak ramalan yang menjadi aktiviti mereka ketika itu. Dalam perbualan ini, G8 pada ujaran 15 membantah kenyataan B4 bahawa dia tidak akan berkahwin dengan Ryuchi kun. Bantahan yang dilakukan oleh G8 pada ujaran 15 kelihatan efektif kerana tiada lagi tuduhan atau usikan seterusnya yang dilakukan oleh B6 terhadap G7. Maka dengan hasil dapatan-dapatan ini menggambarkan bantahan adalah sesuatu yang biasa dalam kalangan kanak-kanak (Zaitul, 2005) . Tiada nilai keharmonian didapati dalam ujaran di ekstrak 15 ini.

4.1.4 Strategi Panggilan (Nama diri atau Gantinama diri pertama)

Definisi panggilan dalam kajian ini bermaksud panggilan nama atau kata ganti nama diri yang digunakan oleh penutur ketika membahasakan diri sendiri sewaktu berinteraksi atau berkomunikasi dengan pasangan atau pendengar yang lain. Dalam konteks kanak-kanak Jepun, *First Name* atau nama sendiri dan ganti nama diri seperti ‘*Watashi*’ atau ‘*Atashi*’ bagi kanak-kanak perempuan dan ‘*Boku*’ atau ‘*Ore*’ bagi kanak-kanak lelaki adalah panggilan nama yang lazim digunakan (Niyekawa, 1991 dalam Ide & Yoshida, 1999: 471). Ini dapat dilihat dalam ketiga-tiga ekstrak seperti yang diberikan di bawah ini:

Ekstrak 16 menunjukkan situasi di mana kanak-kanak sedang menyiapkan lukisan pokok krismas.

Ekstrak 16

Sesi 1

- | |
|--|
| 11. G2: <i>ato han bun da...minami.</i>
Lagi separuh lagi...Minami.
(Minami ada separuh lagi nak siap.) |
| 12. B2: <i>ato..mo chotto..owarisou..haruto.</i>
Ada sikit lagi nak habis...Haruto.
(Haruto ada sedikit lagi nak habis) |

Di dalam ekstrak 16, dapat dilihat bahawa tiada penggunaan kata ganti nama diri pertama bagi maksud ‘saya’ contohnya ‘*boku*’ atau ‘*ore*’ atau ‘*watashi*’ digunakan oleh G2 dan B2 yang masing-masing berumur 6 tahun dan 5 tahun. Sebaliknya, kedua-dua kanak-kanak tersebut membahasakan diri mereka dengan menggunakan nama sendiri seperti dalam ujaran 11 dan 12. Perbualan di atas bermaksud bahawa mereka berdua iaitu Minami dan Haruto sedang memberitahu sesama mereka bahawa

kerja menampal keratan kertas warna pokok krismas mereka sudah hampir siap. Dalam ekstrak 16 ini juga, diperhatikan bahawa G2 dan B2 meletakkan nama mereka di akhir ujaran. Hasil dari temubual (untuk mendapatkan kepastian) penulis dengan guru mereka mendapati, adalah sesuatu perkara yang biasa bagi kanak-kanak seawal usia 3 tahun meletakkan nama panggilan mereka dihujung ujaran. Dapatan ini berbeza dengan Clancy (1985) yang menegaskan bahawa kanak-kanak akan mula menggunakan kata gantinama diri seperti *boku*, *ore* dan *watashi* pada umur 3 tahun. Walau bagaimanapun merujuk kepada kedua-dua ujaran dalam ekstrak 16, kajian mendapati dengan penggunaan nama sendiri ketika membuat ujaran, ciri kesopanan dan saling menghormati kelihatan wujud dalam hubungan di antara G2 dan B2.

Ekstrak 17

Sesi 1

58. G2: *Minami wa... mada konnano..*

Minami...baru banyak ni..

(Kerja yang Minami buat ini masih banyak lagi hendak disiapkan.)

59.G1: *Misete!*

Tengok, boleh!

60.G2: *Kochi wa dekita kedo, kochi wa mada dekite nai.*

Yang ni dah siap tapi...yang ni belum siap lagi.

(ambil menunjukkan kedua-duanya)

Ekstrak 17 menunjukkan bahawa G2 memulakan ujarannya dengan menyebut namanya di hadapan ayat. Walaupun ayatnya kelihatan tidak lengkap, namun maksudnya dapat difahami oleh rakannya iaitu G1. Dalam ujaran 59, G1 meminta izin untuk melihat hasil kerja yang dilakukan oleh G2. G2 menjelaskan kepada G1 melalui ujaran 60, sambil ditunjukkan kepada G1 bahawa hasil kerjanya masih belum siap

sepenuhnya. Selain itu, B1 yang melakukan aktiviti yang sama turut menggunakan ujaran (ujaran 61) dengan menyebut namanya di hadapan ayat sambil menunjukkan hasil kerja yang dilakukan olehnya kepada G1 dan G2. Dalam ekstrak ini dapat dilihat ciri-ciri bekerjasama antara G1 dan G2.

Ekstrak 18 bagi sesi 1, masih memaparkan situasi menampal kertas warna pada kertas untuk membentuk pokok krismas.

Ekstrak 18

Sesi 1

61. B1: ***Haruto wa... ato orenji dake!***
Haruto... tinggal warna oren je lagi!
(Haruto cuma tinggal bahagian warna oren untuk disiapkan)

Ekstrak 18 di atas merupakan satu contoh penggunaan panggilan nama sendiri di awal ujaran. Ini dilakukan oleh B1 yang berumur 5 tahun. Di dalam ekstrak ini, B1 sedang menceritakan tentang tahap kemajuannya dalam mewarnakan pokok krismas. Dalam ekstrak 18, di ujaran 61, B1 kelihatan bercakap dengan dirinya apabila menggunakan nama sendiri ketika membahasakan dirinya terhadap orang lain. Merujuk kepada hasil dapatan soal selidik ke atas ibu-ibu kanak-kanak prasekolah Jepun (kumpulan responden kedua), didapati 5 daripada 9 orang ibu menyatakan bahawa anak-anak mereka menggunakan nama sendiri apabila membahasakan diri mereka ketika di prasekolah. Menurut hasil soal selidik tersebut lagi, kemungkinan anak-anak telah biasa mendengar ibu atau penjaga memanggil dengan panggilan nama mereka.

Hasil kajian ini menyokong kajian Noor Azmira Mohamed (2001) yang menyatakan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Contohnya, cara perbualan dan panggilan yang

digunakan ketika dengan ibu bapa, rakan sebaya dan adik-beradik yang lebih tua akan menjadi ikutan. Hasil soal selidik (di bab 4.4) juga menunjukkan ibu-ibu memilih untuk tidak menegur kesilapan anak-anak mereka dari segi penggunaan nama sendiri sehingga anak-anak mereka mencapai peringkat sekolah rendah.

Ganti nama diri seperti '*Watashi*' atau '*Atashi*' tidak digunakan dalam ujaran, berkemungkinan kerana kanak-kanak di usia awal 3 hingga 6 tahun mempunyai kurang pengetahuan atau mempunyai tahap leksikal yang rendah serta terbiasa mendengar panggilan nama sendiri (FN) oleh rakan-rakan dan ibu mereka di rumah.

Niyekawa (1991) menyatakan bahawa penggunaan nama sendiri dengan '*First name*' pada tahap prasekolah merupakan sesuatu yang biasa. Hasil kajian mengenai penggunaan nama sendiri diletakkan diawal dan di hujung ujaran telah disokong oleh Ide & Yoshida (1999:471) dalam Rika Ito (2006) dan Niyekawa (1991) seperti yang dinyatakan di dalam bab 2 dalam kajian ini. Menurut pendapat dua orang guru Jepun yang mengajar di tadika tersebut, penggunaan nama sendiri di awal atau di hujung ayat dalam kalangan kanak-kanak Jepun, merupakan suatu perkara yang jarang berlaku pada peringkat usia lima dan enam tahun. Biasanya kanak-kanak Jepun pada umur lima menghampiri enam tahun dan ke atas, akan mulai menggunakan kata ganti nama diri seperti '*Boku*' atau '*Watashi*' setelah ditegur oleh rakan-rakan sekelilingnya yang menggunakan '*Boku*' atau '*Watashi*' (Nakamura, 2001).

Seperkara lagi yang perlu diketahui adalah, berdasarkan maklum balas yang diperolehi daripada guru kanak-kanak Jepun tersebut, membahasakan diri dengan menggunakan nama sendiri ketika berbual adalah dikatakan kurang beradab. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidaklah diambil begitu serius bagi kanak-kanak pada tahap prasekolah ini kerana menurut guru-guru di tempat kajian diambil, kanak-kanak pada tahap ini memerlukan masa untuk mengenali dan memahami perbezaan di antara penggunaan nama sendiri dengan penggunaan ganti nama diri.

4.1.5 Strategi ‘*Negative Labelling*’/ *Gelaran ‘Negatif’*

Lazimnya, seorang kanak-kanak itu akan menyebut sesuatu gelaran ketika berada dalam keadaan marah dengan intonasi yang meninggi dan berunsur negatif . Ini sepertimana yang terdapat dalam cadangan oleh Dore (1975) yang menyatakan bahawa iaitu kanak-kanak bertutur dengan menggunakan sekurang-kurangnya salah satu dari sembilan ‘*primitive speech act*’ seperti melabel, mengulang, menjawab, membuat pertanyaan dengan reaksi, bertanya dengan mendapat jawapan, memanggil, membuat ucapan, memprotes dan berlatih (*practicing*) (rujuk bab 2.7). Ekstrak-ekstrak yang telah dapat diambil dari kajian ini adalah seperti berikut:

Situasi di ekstrak 19 adalah berdasarkan situasi di mana kanak-kanak sedang bermain dengan kotak ramalan yang dibuat oleh rakan-rakan mereka sendiri.

10. B6: *Junya to kekcon te kaite aru kedo..*
Tapi ada tertulis kat sini...kawin dengan Junya..
11. G8: *Uso tsuki*  (menengking dan memandang tepat kepada B6)
Bohong!
12. B6: *Hontou da yo!*
Betul lah!
13. G9: *Anna yatsu to kekcon shita kunai wa!*
Tak nak lah kawin dengan **budak macam tu!**
(Tak mahu berkahwin dengan budak yang suka bohong
macam tu)

Dalam ujaran 10, B6 mengatakan bahawa Junya kun (B7) akan berkahwin dengan G9. Walaupun G8 yakin dengan perkara yang didengarinya sebelum ini (B6, sebelum itu telah menyatakan bahawa Sato kun (B8) akan berkahwin dengan rakannya (G9)-merujuk Lampiran 4.1, sesi 4), B6 tetap cuba meyakinkan G8 di ujaran 12, bahawa dia bercakap tentang G9 dengan B7. Setelah terdengar perbualan antara G8 dan B6 itu, G9 mengeluarkan perkataan seperti di ujaran 13 di atas. Maka, merujuk ujaran 13 dalam ekstrak 19 ini, kajian mendapati, G9 menggunakan gelaran negatif ketika memaparkan emosi marah. Kajian tidak mendapati sebarang nilai keharmonian dalam ekstrak di atas.

Seterusnya ekstrak 20 bagi sesi 5 memaparkan sambungan dari sesi 3 dan sesi 4 iaitu tentang hasil cabutan kertas ramalan dari kotak ramalan yang telah direka oleh kanak-kanak dalam kumpulan ini.

1. B7: *Kiita yatsu wa... baka ni naru!*

Sesiapa yang mendengar...jadi bodoh!

(Siapa yang mendengar apa yang dikatakan G9 adalah orang-orang yang bodoh)

Dalam ujaran 1 di ekstrak 20, B7 ingin menarik perhatian pendengar-pendengar lain untuk menyokong B6. B7 menggunakan perkataan ‘*yatsu*’ untuk memaksudkan ‘sesiapa’ yang mendengar atau sesiapa yang bersetuju perkara yang dikatakan oleh G9 itu, akan menjadi bodoh. Perkataan ‘*yatsu*’ dan ‘*baka*’ dalam konteks ini dilaungkan dengan intonasi suara yang meninggi dan ketika perasaan B7 sedang marah. Maka dari ekstrak 20 ini, kajian mendapati strategi gelaran negatif atau *negative labelling* seperti ‘*yatsu*’ dan ‘*baka*’ yang bermaksud ‘bodoh’ digunakan oleh B7 untuk melabel atau menggelar orang lain terutamanya ketika marah atau sesuatu perkara yang tidak disetujui oleh pendengar. Tiada nilai-nilai keharmonian yang dapat dilihat di dalam ujaran bagi ekstrak 20 ini.

Ekstrak 21 di bawah juga adalah bersambung daripada situasi di sesi 5 iaitu perasaan seorang kanak-kanak yang marah kerana di reka tentang cerita perkahwinan nya. Situasi ini berlarutan bermula dari aktiviti mencabut kertas ramalan dari kotak ramalan.

- | |
|---|
| 15. G8: Sonna ero to kekkon shita kunai!
Tak nak lah kawin dengan budak gatal tu! |
| 16. G7: Anna ero to kekkon shita kunai!
Tak nak lah kawin dengan budak gatal macam tu! |

Penggunaan ‘ero’ dalam ekstrak 21 di dalam konteks perbualan di atas juga, di gunakan ketika G8 dan G7 berada dalam keadaan marah dan beremosi. Perkataan ‘ero’ di sini berasal dari perkataan ‘eroitic’ yang bermaksud ‘gatal’ atau ‘miang’. Dalam ujaran 15 dan 16 di atas, G8 dan G7 memanggil rakannya dengan gelaran ‘ero’ kerana mereka marah kepada rakannya (B8 dan B6) pada ketika itu. Hasil dapatan kajian membuktikan penggunaan gelaran negatif ini hanya digunakan ketika sedang marah. Kanak-kanak Jepun sentiasa dididik untuk menjaga perasaan orang lain bagi mengekalkan hubungan keharmonian (Lebra, 1973; Tobin, Wu & Davidson, 1989). Walau bagaimanapun, gelaran negatif yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun seperti di ekstrak di atas adalah bagi menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju dengan tuduhan yang diberikan kepada mereka. Kajian dapat melihat hubungan bekerjasama dan unsur empati di antara G7 dan G8 di dalam ekstrak 21.

4.1.6 Strategi Pengulangan

Model teori Piaget yang menyatakan pengulangan (*echolalia*) itu bertujuan untuk suka-suka atau ‘*pleasure of talking*’ seperti yang dinyatakan dalam Kow (2000). Berbeza dari model teori Piaget, Puteri Roslina (2004) yang mengkaji tentang bahasa kedua kanak-kanak, menyatakan bahawa pengulangan dilakukan bagi sesuatu kata kerana kanak-kanak tidak begitu yakin akan bahasa yang digunakan ataupun sukar

mencari kata yang tepat bagi sesuatu konsep. Namun hasil dapatan bagi kajian ini memperlihatkan strategi pengulangan dilakukan untuk mendapatkan respons dan untuk menegaskan tentang sesuatu perkara yang benar. Data dari ekstrak 22, ekstrak 23 dan ekstrak 24 menghuraikan hasil dapatan berikut:

i) Fungsi: Untuk mendapatkan respons

Merujuk kepada ekstrak 22 dalam sesi 1, sekumpulan kanak-kanak dalam kelas sedang menampal kertas-kertas warna ke atas kertas putih yang telah di lukis pokok krismas di atas nya. Situasi dalam ekstrak 22 ini sedang merujuk kepada topik nama yang popular sebagai tajuk perbincangan mereka.

Ekstrak 22

Sesi 1

- | |
|---|
| 39. G2. <i>Yamaoka Haruto kun dainingki dayo ne</i>
Yamaoka Haruto ‘kun’ paling popular lah kan?..

40. G2: <i>ne...ne.. Yamaoka Haruto kun dai ningki dayo!</i>
kan..kan..Yamaoka Haruto ‘kun’ paling popular lah!

41. G2. <i>Yamaoka....Yamaoka dai..dai..dai ningki dayo!</i>
Yamaoka..Yamaoka paling...paling..paling popular kan!..

42. B1: <i>Nani ga dainingki na no</i>
Apa nya yang paling popular?

43. G2: <i>Yamaoka ‘san! (?) (tidak dapat mengecam butiran yang disebut)</i> |
|---|

Ekstrak 22 menunjukkan pengulangan yang berfungsi untuk mendapatkan respons.

G2 dalam ujaran 39 di atas, berniat untuk mendapatkan maklum balas dari pendengarnya iaitu B1, yang sedang melekatkan kertas warna pada lukisan pokok krismas ketika itu. Namun B1 tidak langsung memberikan apa-apa respons kepada ujaran 39. Oleh sebab tidak mendapat maklum balas dari B1, G2 telah mengulangi

ujarannya yang terdapat pada ujaran 40 dan 41. Akhirnya, G2 mendapat respons daripada B1 pada ujaran 42. Walau bagaimanapun B1 tidak memahami maksud ujaran G2 pada ujaran 41 (walaupun di ulangi beberapa kali). B1 menanyakan apa yang dimaksudkan oleh G2 sebagai paling popular. Di sini kelihatan seperti G2 telah pun berjaya mendapat respons dari B1 setelah beberapa kali membuat ulangan ujaran. Namun begitu hasil respons dari B1 agak mengecewakan G2 kerana B1 tidak memahami maksud ujaran G2. Penulis tidak menemui sebarang ciri keharmonian dalam ekstrak 22.

ii) Fungsi: Untuk menegaskan sesuatu kenyataan

Situasi dalam ekstrak 23, sesi 5 pula adalah berkenaan dengan G9 yang marah apabila mendapat tahu tentang berita dirinya (cerita yang dikatakan oleh B6 dari sesi 3 dan 4) yang akan berkahwin dengan rakan mereka iaitu Sato kun (B8). Berita ini telah direka oleh rakan-rakan lelaki mereka ketika menulis ramalan di atas kertas kecil dan memasukkan ke dalam kotak ramalan.

2. G9: **Kekkon shite inai..yo!**
Shite inai.. yo!
Shite inai..yo!
- 
- Tak kawin lah!
Tak kawin lah!
Tak kawin lah!
3. G8: **Kekkon shite inai yo ne!**
Tak kawin lah kan!
4. B6: **Yosh! jya....Ore no saikyo waza wo kaita zo!**
Yosh!.haa..kemahiran aku yang hebat ada tertulis lah!
5. B9: **Ryota kun mo haita yo!**
Ryota punya pun ada tertulis lah!

Dalam ekstrak di atas, pengulangan ujaran telah dilakukan oleh G9 di ujaran 2 dengan menegaskan dengan intonasi yang tinggi seperti dalam keadaan yang marah. G9 menyatakan yang dia tidak ingin berkahwin dengan Sato seperti mana yang dikatakan oleh B6 (sebelum ini). Dalam hal ini, G9 sebenarnya, ingin menafikan dengan menegaskan dengan sekeras-kerasnya bahawa apa yang dikatakan oleh B1 itu adalah tidak benar. Untuk tujuan penegasan, G9 mengulangi ujaran 2, sebanyak 3 kali. Di ujaran seterusnya iaitu ujaran 3, G9 mendapat sokongan dari rakannya, G8 tentang penafiannya yang berulang-ulang itu. Dari aspek keharmonian, G8 (di ujaran 3) mengujarkan semula ujaran oleh G9 seolah-olah menunjukkan sokongan bahawa dia juga berada di pihak G9 dan memahami perasaan rakannya (G9) itu. Maka, ujaran 3 mengandungi ciri empati sebagai satu nilai keharmonian yang ditunjukkan dalam perhubungan antara G8 dan G9.

Seterusnya di ekstrak 24, sesi 5 merupakan rentetan cerita rekaan B6. Dalam hal ini, B6 telah mereka satu cerita tentang rakan perempuannya yang dikatakan suka pada rakannya, Haruto.

Ekstrak 24

Sesi 5

- | | |
|-----|--|
| 11. | B6: Kaho wa haruto ga suki....honto da yo!
Kaho kan, suka pada Haruto....betul lah! |
| 12. | B6: Honto da yo!
Betul lah!
(Menegaskan apa yang dikatakannya adalah benar.) |
| 13. | B6: Honto datte.
Betul...dia kata.(seperti yang tertulis)
(Mengulangi untuk menegaskan bahawa perkara yang dikatakannya adalah seperti yang tertulis.) |
| 14. | B4: <i>Ryuchi kun to Ao chan wa kekkon suru te kaite attan da mo_</i>
Dah tu, ada tertulis Ryuchi kun kawin dengan Ao chan kan... |
| 15. | G8: <i>Sonna ero to kekkon shita kunai!</i>
Tak nak lah kawin dengan budak gatal tu! |
| 16. | G7: <i>Anna ero to kekkon shita kunai</i>
Tak nak lah kawin dengan budak gatal macam tu! |

Seperti di ekstrak 23, ekstrak 24 juga menunjukkan pengulangan berlaku. Dalam ekstrak ini, B6 bermaksud untuk meyakinkan G7 bahawa “*Kaho (G7) menyukai Haruto*”. B6 telah membuat pengulangan ujaran pada ujaran 12 dan 13 bagi menegakkan kenyataannya. B6 ingin menyakinkan rakannya, G7, bahawa apa yang dikatakan olehnya adalah benar seperti yang sudah tertulis dalam kotak ramalan. B6 dalam ekstrak ini berkemungkinan cuba untuk membina kepercayaan rakan-rakannya yang lain terhadap apa yang diujarkan. Maka, ujaran B6 menunjukkan B6 ingin

meminta kerjasama dari rakan-rakannya untuk mempercayai apa yang diujarkannya. Ujaran 14 menunjukkan B6 mendapat kerjasama dari B4 yang juga cuba meyakinkan G8 bahawa, di dalam kotak ramalan juga ada menyatakan tentang G8 akan berkahwin dengan Ryuchi kun. Maka, dengan respons dari ujaran 14 menunjukkan wujud ciri bekerjasama antara B6 dan B4 untuk menjaga hubungan keharmonian antara mereka.

4.1.7 Strategi Penggunaan *Malaysian English*

Perkataan “*Malaysian English*” dalam konteks kajian ini bermaksud dialek Bahasa Inggeris yang dituturkan di Malaysia. Biasanya, pelbagai *Malaysian English* yang digunakan di Malaysia adalah tidak sama dengan Bahasa Inggeris di negara lain. Seperti yang diterangkan di Bab 3, Bahasa Inggeris yang digunakan mempunyai perbezaan berdasarkan loghat dan kosa kata mengikut tempat atau negara iaitu dengan fonologi, leksikon dan perbendaharaan katanya yang tersendiri. *Malaysian English* juga mempunyai banyak persamaan dengan *Singaporean English* atau *Singlish* (Gupta, 1994). Ia merupakan penggunaan Bahasa Inggeris yang sedikit terpesong terutamanya dalam kalangan penduduk tempatan dan selalunya dituturkan di bandar-bandar.

Kanak-kanak Jepun yang terlibat dalam kajian ini didapati menggunakan *Malaysian English* sebagai satu strategi untuk menyatakan hasrat mereka. Penggunaan *Malaysian English* berlaku di sini, kerana kanak-kanak ini (B10) adalah anak hasil daripada perkahwinan campur iaitu Jepun (bapa) dan berbangsa Cina Malaysia (ibu) yang juga berbahasa Inggeris ketika di rumah. B12 yang juga berketurunan Jepun (ibu) dan Korea (bapa) juga termasuk dalam golongan kanak-kanak yang berkacukan. Selain

daripada itu, daripada interaksi antara B10 dan B12, kajian juga telah mendapati bahawa B10 mempunyai seorang pembantu rumah berbangsa Indonesia yang dipanggil ‘kakak’. Maka kesan daripada faktor latar belakang dan faktor persekitaran (Noor Azmira, 2001) B10 di rumah telah menyebabkan penggunaan ‘lah’ atau *one* ketika berkomunikasi dengan rakannya.

Walaupun penggunaan partikel ‘lah’ dikatakan biasa digunakan dalam kalangan mereka yang kurang fasih dalam Bahasa Inggeris (Tay, 1977; Soh, 1984; Zaidan, 1994; dan Kow, 2000) namun, perkara ini dinafikan oleh Kuang (2002) kerana menurutnya masyarakat di Malaysia merupakan masyarakat daripada berbagai kaum, bangsa dan budaya yang boleh mempengaruhi penggunaan bahasa, contohnya penggunaan ‘lah’ dalam bahasa Inggeris. Beberapa ekstrak yang menunjukkan kanak-kanak Jepun menggunakan *Malaysian English* dipaparkan seperti di bawah:

Ekstrak 25 di sesi 8 memaparkan interaksi antara B10 dengan B12 ketika sedang melakukan aktiviti mewarna.

Ekstrak 25

Sesi 8

13. B10: *Why your...so many English one?*

Kenapa awak...banyak sangat English?

(ambil memutarkan tangan kanan yang memegang pensil bertujuan memberi maksud ‘semua’)

Dalam perbualan di ektrak 25, B10 yang menggunakan *Malaysian English* bermaksud untuk bertanya B12 sebab ramai daripada ahli keluarga B12 yang lain bercakap Bahasa Inggeris. Dalam perbualan ini, B10 menggunakan *one* pada hujung

ujarannya. B10 menggunakan *one* dalam ujaran bahasa inggeris kerana biasa mendengar atau melihat cara ibunya yang berbangsa Cina Malaysia bercakap dengan ayahnya, seorang yang berbangsa Jepun. Dalam dapatan ekstrak ini, penggunaan *one* juga berfungsi untuk membuat penekanan (emphasis) terhadap adik-beradik atau ahli keluarga yang boleh berbahasa Inggeris (maksud dalam ujaran 13).

Seterusnya, ekstrak 26, dalam sesi 8 adalah mengenai aktiviti mewarna yang sedang dilakukan oleh B12 dan B10.

Ekstrak 26

Sesi 8

20. B12: *Wo...I don have cilinda lah.*

Wo... saya tak ada (warna) cilinda lah.

Dalam ekstrak 26 di atas, B12 yang mempunyai latarbelakang keluarga kahwin campur iaitu ibu berbangsa Jepun dan bapa berbangsa Korea, meletakkan perkataan 'lah' di hujung ayatnya walaupun berbahasa dalam Malaysian English. Menurut gurunya, B12 akan bercakap menggunakan Bahasa Inggeris setiap kali bercakap dengan B10. Begitu juga apabila berbual dengan rakan-rakan lain yang mempunyai latarbelakang yang sama dan yang kurang fasih berbahasa Inggeris. Dalam ujaran 20, B10 menggunakan 'lah' bagi menunjukkan fungsi penekanan bahawa dia tidak mempunyai jenis warna (*cilinda*) tersebut.

Situasi dalam ekstrak 27 juga adalah mengenai aktiviti yang sama iaitu aktiviti mewarna yang bersambung dari ekstrak 26 sebelum ini.

Ekstrak 27

Sesi 8

26.B9: Owari da yo! Mou kaeru da yo!...

Dah habis masa lah! Dah nak balik lah!...

27. B10: I want more colour...

Saya nak mewarna lagi ...

*More colour **lah**...*

Warna lagi lah...

Dalam ekstrak 27 ini, B10 menggunakan perkataan '*lah*' di hujung ujaran 27 untuk mengajak dan memujuk rakannya supaya meneruskan mewarna walaupun masa bermain sudah tamat. B10 berniat untuk mengajak rakannya, B12 menyambung mewarna dan tidak menghiraukan masa rehat yang sudah tamat. Penggunaan perkataan '*lah*' di ujaran 27 adalah untuk membuat penekanan dan memujuk B10 untuk meneruskan aktiviti mewarna walaupun setelah diingatkan oleh B9 tentang masa rehat yang telah tamat. Sepertimana Zaidan (1994) telah menyatakan bahawa '*lah*' boleh berfungsi untuk menyatakan keintiman, pujukan dan penolakan untuk melembutkan kesan imperatif tetapi dalam konteks ini, ujaran dalam *Malaysian English* berfungsi untuk memujuk rakannya (B10) untuk melakukan sesuatu, iaitu mewarna walaupun masa untuk mewarna sudah tamat. Kajian tidak mendapati sebarang ciri keharmonian dalam ekstrak 25 hingga ekstrak 27 ini berdasarkan Jadual 3.6, namun penggunaan '*lah*' yang bertujuan untuk melembutkan maksud ujaran yang memujuk boleh bermaksud sopan dan menjaga perasaan.

4.1.8 Rumusan

Sebagai rumusan di bahagian 4.1 penulis membahagikan perbincangan ini kepada dua bahagian. Pertama merumuskan semua strategi komunikasi yang diperoleh dalam bahagian ini termasuk nilai-nilai keharmonian manakala yang kedua membincangkan hasil dapatan ini berbanding hasil dapatan kajian terdahulu.

Berpandukan model komunikasi Corsaro, dapatan kajian ini memaparkan terdapat beberapa strategi yang mempunyai persamaan dengan kajian ini antaranya adalah strategi paralinguistik, pengulangan dan meminta perhatian. Walau bagaimanapun, strategi komunikasi model Corsaro dalam pengulangan lebih menunjukkan fungsi mengulangi ucapan sendiri atau ucapan pasangan. Sebaliknya dalam kajian ini, penggunaan strategi pengulangan dikategorikan pada pelbagai fungsi yang dibincangkan di perenggan-perenggan seterusnya.

Selain dari itu, terdapat beberapa persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Dore (1975); Piaget (1958); Potts, Cocking, Carlson dan Copple (1979); dan Faerch dan Kasper (1983) dalam dapatan kajian. Dore menemui beberapa laras bahasa seperti pengulangan dan pertanyaan. Manakala kajian Piaget memaparkan dapatan seperti permintaan, pertanyaan dan pengulangan. Potts, Cocking, Carlson dan Copple menyatakan strategi pengulangan adalah proses menyebut beberapa kali. Walau bagaimanapun, persamaan-persamaan yang dinyatakan ini, apabila diperincikan telah menunjukkan dapatan yang mengandungi fungsi-fungsi berbeza dengan kajian-kajian terdahulu berdasarkan faktor budaya dan demografi yang berbeza.

Manakala kajian Faerch dan Kasper mempunyai persamaan dengan dapatan kajian ini kerana Faerch and Kasper melihat strategi dalam pelbagai fungsi. Sebagai contoh, strategi pengulangan digunakan untuk menunjukkan tiga fungsi seperti pertanyaan untuk mendapatkan jawapan, memperkuatkan keterangan yang baru dan untuk membimbing rakan melalui sesuatu aktiviti.

Hasil dapatan bab 4.1 telah dapat dirumuskan bahawa kanak-kanak Jepun prasekolah di dalam kajian ini menggunakan strategi-strategi berikut di dalam proses sosiolisasi mereka iaitu ketika bermain dengan rakan-rakan mereka di lokasi kajian:

1. Pertanyaan
2. Permintaan
3. Bantahan
4. Panggilan
5. Gelaran Negatif
6. Pengulangan
7. *Malaysian English*

Sepertimana yang dinyatakan oleh Shramm (1971) iaitu sesuatu proses komunikasi itu akan melibatkan berbagai fungsi komunikasi untuk menimbulkan kesan yang lebih menyeluruh. Berdasarkan dapatan-dapatan ini penulis telah melihat dengan lebih mendalam lagi hasil dapatan dengan membahagikan strategi-strategi komunikasi yang diperoleh kepada fungsi atau tujuan penggunaan yang berbeza-beza di dalam konteks kajian ini. Sehubungan dengan itu strategi pertanyaan selain daripada digunakan secara langsung iaitu untuk mendapatkan jawapan, ia juga telah didapati digunakan oleh responden dalam kajian untuk memberikan pendapat, mendapatkan kepastian dan sokongan serta untuk menjaga perasaan pendengarnya. Strategi pertanyaan yang mempunyai berbagai fungsi ini mempunyai nilai-nilai empati dalam

setiap jenis fungsi mereka. Selari dengan ini, nilai-nilai seperti bekerjasama dan menghormati hak orang lain juga dapat dilihat dalam ekstrak-ekstrak yang berkaitan dengan strategi pertanyaan.

Strategi Permintaan yang digunakan pula, menunjukkan fungsi-fungsi seperti meminta diberi sesuatu barang, meminta izin untuk melihat sesuatu dan meminta untuk ditunjukkan cara untuk membuat sesuatu perkara. Seterusnya, kanak-kanak dalam kajian juga melakukan bantahan terhadap rakan mereka ketika tidak setuju dengan sesuatu perkara yang dikatakan kepada mereka. Strategi bantahan yang diperoleh dalam kajian ini berfungsi untuk membuat tuduhan balas bagi menolak sesuatu jawapan yang diterima, memberi amaran balas yang menunjukkan tidak bersetuju dengan sesuatu kenyataan yang dibuat dan ketiga, membantah untuk menunjukkan ketegasan diiringi dengan nada suara yang tinggi. Nilai-nilai keharmonian yang sama juga dapat dilihat terkandung dalam ekstrak-ekstrak bagi strategi permintaan iaitu bertanggungjawab, menghormati hak dan perasaan orang lain dan bekerjasama.

Manakala strategi bantahan iaitu ketika memberi amaran terhadap seorang rakan responden yang sedang mengada-adakan cerita yang tidak benar tentang rakannya dalam ekstrak 13, mengandungi nilai-nilai empati.

Strategi panggilan dalam kalangan kanak-kanak Jepun pula berfungsi dalam penggunaan nama pertama dan kata ganti nama diri pertama. Hasil dapatan bagi strategi ini memperlihatkan kanak-kanak Jepun dalam ekstrak ini menggunakan *First*

name berbanding penggunaan kata gantinama diri pertama. Sehubungan dengan ini, guru prasekolah tersebut berpendapat adalah sesuatu yang jarang berlaku bagi kanak-kanak pada umur 5 dan 6 tahun dalam penggunaan *First name*. Ini kerana menurutnya, pada umur 5 dan 6 tahun, kanak-kanak Jepun biasanya sudah mula menggunakan kata gantinama seperti *boku*, *ore* dan *watashi* atau *atashi*. Kenyataan ni juga telah menyokong kenyataan Clancy (1985). Dalam hal ini, menurut Nakamura (2001) biasanya rakan sebaya bagi kanak-kanak ini akan menegur rakan mereka jika rakan menggunakan nama yang tidak sesuai.

Selain dari itu, kanak-kanak dalam kajian ini juga didapati menggunakan strategi gelaran negatif. Strategi ini digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah untuk menggambarkan emosi yang marah disertai dengan intonasi suara yang tinggi dan melabel seseorang dengan memberi maksud yang negatif. Hasil dapatan bagi strategi gelaran negatif tidak menunjukkan nilai-nilai keharmonian di dalamnya. Situasi ini kerana strategi ini terjadi ketika responden kanak-kanak Jepun ini berada dalam keadaan yang marah.

Seterusnya strategi pengulangan yang diperoleh dari hasil dapatan adalah berbeza dari pengulangan yang dimaksudkan oleh Piaget (1958), Kow (2000) dan Puteri Roslina. Dapatan menunjukkan strategi pengulangan didapati digunakan untuk menegaskan tentang sesuatu perkara dan untuk mendapatkan respons pendengarnya. Ciri-ciri keharmonian yang ditemui dalam ekstrak-ekstrak 24 dan 25 yang berkaitan dengan strategi ini adalah nilai empati dan semangat bekerjasama sebagai satu

kumpulan.

Akhir sekali penggunaan *Malaysian English* juga merupakan satu lagi strategi yang digunakan oleh 2 orang kanak-kanak dengan penggunaan *one* dan ‘lah’ di hujung ujaran perbualan mereka. Adalah sesuatu yang benar jika dikatakan bahawa pengaruh unsur persekitaran memainkan peranan yang penting dalam penggunaan *Malaysian English* bagi kedua-dua orang kanak-kanak Jepun yang berkemampuan untuk bertutur bahasa Inggeris walaupun tidak fasih. Dengan penggunaan *one* dan ‘lah’ dalam ujaran, kedua-dua mereka berjaya menyampaikan makna dengan baik walaupun mereka bukan dari kalangan rakyat tempatan. Nilai keharmonian berpandukan Jadual 3.6, tidak dapat dilihat di dalam ekstrak-ekstrak yang berkaitan namun penggunaan ‘lah’ dalam ujaran yang bermaksud melembutkan ujaran boleh membawa maksud sopan dan menjaga perasaan.

Hasil dapatan bab 4.1 memaparkan bahawa kanak-kanak Jepun menggunakan strategi untuk menunjukkan sesuatu hasrat secara tidak langsung (*indirect*) ketika berkomunikasi. Ini dapat dilihat apabila dapatan memaparkan strategi-strategi komunikasi yang digunakan untuk berbagai fungsi yang berbeza. Walau bagaimanapun yang lebih bermakna adalah dimana hasil dapatan kajian ini telah menemui nilai-nilai keharmonian di dalam strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah di lokasi kajian ini.

Bahagian II: Dapatan Strategi Komunikasi Bukan Lisan

Bahagian ini merangkumi dapatan data berkenaan strategi komunikasi bukan lisan. Dapatan kajian ini memberi fokus terhadap strategi bahasa tubuh (*kinesics*) dan paralinguistik (*vocal sounds*).

4.2.1. Strategi Bahasa Tubuh

Maksud bahasa tubuh yang diberikan di bab 3.8 akan dirujuk. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa strategi bahasa tubuh yang dapat dilihat adalah merangkumi pengaruh paparan, lambang, regulator dan adaptor (Berko, Wolvin & Wolvin, 1992). Kesemua istilah dalam strategi bahasa tubuh ini telah didefinisikan dalam bab 3 iaitu seperti mana dalam Jadual 2.1 di bab 2.5. Setiap penggunaan strategi tubuh ini ditunjukkan hasil dapatan dari ekstrak seperti yang tertera.

a. Pengaruh paparan (*Affect Display*)

i) Menunjukkan ekspresi muka dengan emosi yang marah

Situasi di dalam sesi 3 adalah di mana kanak-kanak sedang membuat kotak ramalan dengan menggunakan kotak susu segar. Mereka meletakkan gulungan kertas kecil yang tertulis berbagai ramalan masa depan. Ramalan masa depan ini direka dan ditulis di atas kertas kecil, digulung dan dimasukkan ke dalam kotak susu segar (yang kosong) melalui bukaan di bahagian atas kotak tersebut yang boleh ditutup dan dibuka. Kebanyakan daripada ramalan atau nasib yang ditulis itu bertujuan untuk mengenakan rakan-rakan mereka yang lain.

2. B4: *Sato to Yumeiho ga kekkon surun datte.!*
 Sato dengan Yumeiho kan... nak kahwin katanya.

3. G7: *Nan to iitta?*↑

Apa awak cakap??
 (membeliakkan mata dan meletakkan tangan pada pinggang)

Dalam ekstrak 28, di ujaran 3, G7 marah kepada B4 bagi pihak rakannya, Yumeiho (G9). Ini kerana B4 telah bercakap sesuka hatinya tentang perkahwinan antara Sato dengan rakan baiknya itu. (sedangkan rakannya iaitu Yumeiho, langsung tidak tahu menahu tentang perkara ini.) G7 menunjukkan ekspresi wajah yang marah dengan membeliakkan matanya sambil mencekak pinggang (Rujuk lampiran 4.1, sesi 3). G7 adalah rakan baik Yumeiho (G9). G7 di ujaran 3, didapati mempamerkan ekspresi emosi marahnya dengan perbuatan mencekak pinggang dan pandangan mata yang tajam. Dengan melakukan perbuatan ini, G7 dapat mempamerkan emosi marah dengan lebih berkesan terhadap B4. Di dalam ekstrak ini juga, ciri keharmonian iaitu *omoiyari* atau empati telah ditunjukkan oleh G7 di ujaran 3. Ini adalah kerana G7 memaparkan perasaan marah bagi pihak rakannya G9 (yang akan menjadi marah) jika beliau mendengar apa yang dikatakan oleh B4 tentang dirinya. Maka dia (G7) melakukan ujaran 3 ini, sebagai rakan baik yang mempunyai sifat empati terhadap G9.

Situasi di ekstrak 2 bersambung dari aktiviti membuat kotak ramalan dari ekstrak 1. Di dalam ekstrak 29 ini, B6 memberikan responsnya, setelah diberitahu oleh B4 tentang ramalan yang diperolehnya. Ramalan itu adalah mengenai Sato (B8) yang dikatakan akan berkahwin dengan Yumeiho (G9) di masa hadapan.

2. B4: *Sato to Yumeiho ga kekcon surun datte..!*

Sato dengan Yumeiho kan... nak kahwin katanye.

3. G7: *Nan to iitta..*

Apa awak cakap?? (dengan meninggi suara dan meletak tangan di pinggang)

4. G7: *ne...kimochi warui!*

eei...nak termuntahlah!

5. G8: *ne..ne.. Ryutachi ...kimochi warui!*

ni..ni..Ryutachi... nak termuntah!

6. B6: *Eroishi...kimochi warui!.*

Eroishi...nak termuntah! (bermaksud menjijikkan).

7. G7: *sono koto...katte ni kimenai no!*

Jangan pandai-pandai nak buat cerita ye!

(sambil mencekak pinggang dan memandang tepat kepada B4 dengan air muka yang marah)

Dalam ekstrak 29, B6 berasa tidak selesa mendengar tentang berita ini (B8 akan berkahwin dengan G9) lalu mengeluarkan ujaran 6. Setelah terdengar perkara yang sama, G7 membantah dengan memberi kata amaran di ujaran 7 sambil memandang tepat pada B4, dengan menunjukkan air muka yang marah sambil tangannya mencekak pada pinggang. Dalam ujaran 7 ini, G7 membantah tindakan B4, dengan memberi amaran terhadap B4 supaya tidak mereka-reka cerita yang tidak benar terhadap Yumeiho (G9) dengan melakukan strategi bahasa tubuh seperti yang ditunjukkan di ekstrak 29. Berdasarkan ujaran 7 dan bahasa tubuh yang dilakukan iaitu mencekak pinggang dan memandang tepat ke arah B4 dengan air muka yang marah, G7 kelihatan menunjukkan sikap *omoiyari* atau empati nya terhadap rakannya G9. G7 dalam ujaran 7 ini, memaparkan sikap menjaga perasaan (membuat pertimbangan terhadap perasaan)

G9 daripada dipermainkan oleh B4. Maka ujaran 7 dalam ekstrak ini memaparkan nilai empati dalam diri G7.

Situasi bagi ekstrak 30 masih berdasarkan situasi yang sama seperti dalam ekstrak 28 dan ekstrak 29 iaitu aktiviti membuat kotak ramalan.

Ekstrak 30

Sesi 5

- | | |
|-----|---|
| 7. | B6: Kaho wa haruto ga suki!
Kaho suka pada ‘Haruto’! |
| 8. | G7: Hhe..... ↑ (seperti bengang dan menampakkan air muka yang marah) |
| 9. | B6: Kaho wa....
Kaho kan.... |
| 10. | G7: Uso tsuke ↑↑
Pembohong!
(sambil mencekak pinggang dan menengking B6) |

Dalam ekstrak 30, B6 pula cuba mengenakan G7 (Kaho) dengan menyatakan bahawa G7 akan berkahwin dengan Haruto kun di ujaran 7. Hal ini telah membuatkan G7 marah di ujaran 8. G7 meninggikan suaranya dan mengujarkan ujaran 10 sambil memandang B6 dengan mata yang tajam dan membeliakkan matanya serta meletakkan kedua belah tangan pada pinggang untuk menunjukkan emosi nya yang sangat marah. Kajian tidak mendapati ciri keharmonian di dalam ekstrak 30 ini.

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan strategi bahasa tubuh iaitu pengaruh paparan telah digunakan oleh responden kanak-kanak dalam ketiga-tiga contoh ekstrak yang diberi. Dalam ketiga-tiga ekstrak ini, kajian mendapati, strategi pengaruh paparan

ini telah digunakan oleh kanak-kanak yang sama iaitu G7. Dari aspek keharmonian, G7 telah menunjukkan sikap ‘omoiyari’ atau empati dalam ekstrak 28 dan 29. Dapatan ini adalah berdasarkan pemerhatian, di mana G7 bukanlah sasaran yang hendak dipermainkan oleh B6 dalam ekstrak 28 dan 29 ini. Sebaliknya, sasaran yang sepatutnya adalah G9. Namun begitu, disebabkan G7 yang mendengar pada ketika itu adalah rakan baik kepada G9 (tidak berada di dalam sesi 5 pada ketika itu), maka G7 menunjukkan perasaan marahnya kepada B6 bagi pihak G9 di ujaran 3 (ekstrak 28) dan ujaran 7 (ekstrak 29). Ini kerana G7 dapat merasakan G9 pasti akan marah jika mendengar apa yang dikatakan B6 tentang dirinya.

b. *Emblem* (Lambang)

i) Menundukkan sedikit kepala ke bawah bagi menunjukkan tanda hormat

Ekstrak 31, 32 dan 33 telah diambil dari sesi 7, iaitu situasi di mana sekumpulan kanak-kanak membina keretapi olok-olok mereka dengan blok-blok mainan yang disediakan oleh pihak tadika. Setelah selesai ‘membina keretapi’, mereka berlakon (*pretend play*) seperti mereka berada di dalam keretapi yang sedang mula bergerak. Walaupun sesi 7 adalah suatu sesi di mana kanak-kanak berlakon seperti berada di dalam keretapi yang sebenar, namun setiap ujaran yang dituturkan oleh responden kanak-kanak yang terlibat tidak dirancang dan berlaku secara spontan. Aktiviti-aktiviti yang berlaku seterusnya ini memaparkan penggunaan *emblem* atau lambang dalam ujaran spontan responden kanak-kanak ketika bermain sambil menaiki ‘keretapi’ mereka.

9. B11.*Densha de aisukurim wa tsukurimasen!*

Koko wa densha desu! Sumimasen.

Dalam keretapi mana ada buat aiskerim!

Ini keretapi! **Maaf ye.** (menundukkan kepala sedikit)

Dalam ekstrak 31, B11 menundukkan kepalanya sedikit, tanda hormat terhadap ‘penumpang’nya (G10) ketika memohon maaf dan memberitahu pelanggannya itu (G10), bahawa aiskerim tidak dijual di dalam ‘keretapi’. Maka ujaran 9 dalam ekstrak 31 menunjukkan tanda hormat atau sopan sebagai satu nilai keharmonian yang dipamerkan dalam interaksi dari B11 kepada G10. Perbuatan menundukkan kepala ini, seperti mana yang telah di nyatakan di dalam bab 2.8.1, adalah merupakan salah satu bentuk sapaan bukan lisan yang menunjukkan hormat atau melambangkan kesopanan bagi masyarakat Jepun (Dewan Bahasa, Mac 2009).

Selain daripada itu, dalam ekstrak 32, G11 telah datang dengan membawa satu blok mainan dan bertanya samada blok itu digunakan oleh B10 atau tidak. Ketika B10 mengakui blok mainan itu adalah kepunyaan mereka, G11 menyerahkan semula blok mainan tersebut kepada B10.

24. G11: *Hait!*

Nah! (sambil memberikan blok yang di buat panjang, kpd B1)

25. B10: ***Arigato gozaimashita!***

Terima kasih!

(tunduk tanda hormat seperti gaya seorang peniaga dan pelanggan)

Ekstrak 32 menunjukkan B10 mengucapkan terimakasih kepada G11 kerana beliau (G11) telah memberikan blok mainan tersebut kepadanya. B10 mengucapkannya sambil menundukkan kepalanya ke bawah sedikit. B10 dalam situasi ini, melakukan perbuatan menundukkan kepalanya ini untuk menunjukkan tanda hormatnya terhadap G11(Dewan Bahasa, Mac 2009). Maka ekstrak ini juga memaparkan, perbuatan menundukkan kepala sebagai *emblem* atau lambang yang telah digunakan oleh B10 untuk mempamerkan tanda hormat nya terhadap G11.

Ekstrak 33 pula menunjukkan, G11 sebelum itu telah memulangkan ‘blok mainan’ yang dimiliki oleh pihak ‘kakitangan keretapi’ itu. (Rujuk Lampiran 4.1 untuk interaksi yang lebih terperinci.) Di sini menunjukkan walaupun kanak-kanak ini hanya berlakon atau beraksi (*pretend play*) seolah-olah mereka berada dalam keretapi yang sebenar, namun ketiga-tiga kanak-kanak ini didapati sangat peka tentang apa yang harus diujarkan di ketika dan waktu yang sesuai.

Ekstrak 33

Sesi 7

26 G11: *Do itashi mashite.*
Sama-sama.
(membala hormat sambil menundukkan sedikit ke hadapan)

Dalam ekstrak 33, G11 membala tunduk hormat terhadap B10. Dalam hal ini baik B10 mahupun G11, telah pun mengetahui bagaimana seorang majikan harus menunjukkan rasa hormatnya terhadap pelanggannya dan sebaliknya. Perbuatan tunduk untuk menunjukkan tanda hormat merupakan satu lambang kesopanan bagi masyarakat Jepun di dalam ketiga-tiga ekstrak ini. Maka dengan ini, komunikasi bahasa tubuh ini

diletakkan di bawah kategori lambang atau *emblem* seperti mana yang dinyatakan oleh Berko, Wolvin & Wolvin, 1992 dalam bab 2.5 (Jadual 2.1). Dalam kategori lambang(*emblem*) ini, perbuatan menunduk dan menunjukkan perasaan hormat adalah satu sikap yang sopan yang merupakan salah satu unsur keharmonian yang telah ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam kumpulan ini.

c. *Regulator*

i) Pandangan mata tepat kepada pendengarnya.

Ekstrak 34 dan 35 diambil dari sesi 1 di mana kanak-kanak baru sahaja selesai makan dan mula melakukan aktiviti melekatkan kertas-kertas warna membentuk menjadi pokok krismas. Kelihatan juga kanak-kanak yang bermain kejar mengejar dengan rakan-rakan mereka di lorong antara kelas-kelas.

Ekstrak 34

Sesi 1

14.B3: ***Konnichiwa!***

Selamat tengahari!..(memandang kepada penulis)

Penulis: *Konnichiwa! nan sai.. go sai.. roku sai.. onamae wa..* ↑

Selamat tengahari! Berapa umur? lima tahun? Enam tahun? Nama?

15.B3: ***Tanimoto Kazuya des! Boku.. go sai.***(memandang kepada penulis)

Tanimoto Kazuya! Saya... lima tahun!

16.B1: ***Teka..eigojin dakara eigo de iwanai to wakaranainjya nai no***

Kan ‘orang inggeris’, jadi kalau tak cakap dalam bahasa inggeris mungkin tak faham kot.. ↑

17. B3: ***Oniichan go sai.***

Abang lima tahun!

(sambil memandang ke arah penulis untuk memberitahu umur abangnya dengan menunjukkan lima jari.)

Dalam Ekstrak 34, B3 menyapa penulis dengan mengucapkan ucapan selamat tengahari setelah bertembung dengan penulis. Setelah membalias sapaan B3, penulis terus bertanya tentang umur dan nama B3. B3 menjawab dengan bahasa yang sopan pada ujaran 15 (rujuk Lampiran 4.1). Ia dikatakan bahasa yang sopan kerana di hujung ujaran 15 diakhiri dengan ‘desu’. Hal ini disokong oleh kenyataan Niyekawa (1991) di bab 2.8.1. Kemudian pada ujaran ujaran 16, B1 menegur B3 dengan menyatakan bahawa kemungkinan penulis tidak dapat memahami apa yang di ujarkan B3 kerana penulis adalah ‘orang Inggeris’. ‘Orang Inggeris’ yang dimaksudkan oleh B1 adalah orang yang berbahasa Inggeris dan tidak mungkin dapat memahami percakapan B3. Hal ini disebabkan B3 memperkenalkan dirinya dalam bahasa Jepun kepada penulis.

Namun B3 seperti tidak mengendahkan teguran B1 (ujaran 16), meneruskan ujarannya dengan memberitahu penulis bahawa umur abangnya juga adalah 5 tahun. B3 mengujarkan ujaran 17 kepada penulis dengan memandang tepat ke arah penulis (*eye contact*) dan mengangkat tangan kanannya sambil membuka kelima-lima jarinya untuk menunjukkan tanda ‘lima tahun’ (Dalam ujaran 17 ini, kajian juga telah mendapati B3 menggunakan strategi tubuh *emblem* atau lambang iaitu dengan mengangkat dan membuka kelima-lima jari untuk menunjukkan lima tahun). Perlakuan B3 yang bercakap dengan menggunakan hubungan mata (*eye contact*) iaitu memandang terus kepada penulis, menunjukkan sikapnya yang ikhlas, yakin dan berani (Mason, 2003; Miller, 1988; Wainwright, 2003; Fast, 1991). Dari aspek keharmonian, ciri-ciri seperti hormat dan sopan telah dipamerkan di dalam ekstrak ini (ujaran 15).

Ekstrak 35 adalah situasi di mana B5 memberanikan dirinya untuk menghampiri penulis dan memperkenalkan dirinya setelah melihat rakannya yang lain melakukan perkara yang sama terhadap penulis.

Ekstrak 35

Sesi 1

18. B5: Yamamoto Ryota desu.

Yamamoto Ryota

(sambil memandang ke arah penulis ketika memperkenalkan dirinya.)

Ekstrak 35 pada ujaran 18, memaparkan B5 berminat untuk berinteraksi dengan penulis apabila dia menghampiri penulis sambil memandang ke arah penulis dan memperkenalkan dirinya. Ini menunjukkan B5 sangat ikhlas dan menunjukkan keberaniannya untuk berinteraksi dengan penulis walaupun tidak mengenali penulis sebelum ini. Hal ini juga menyokong kenyataan yang diberikan oleh Wainwright (2003) dan Mason (2003) berkenaan dengan pandangan mata (*eye contact*) seperti yang diuraikan di bab 2. Di ujaran 18 ini juga, ciri hormat dan sopan juga dapat dilihat apabila B5 mengakhiri ujarannya dengan ‘desu’. sebagai satu nilai kehamonian dalam perhubungan di dalam ekstrak ini. Dapatan ini disokong oleh Niyekawa (1991) yang menyatakan bahawa ayat yang diakhiri dengan *desu-masu* mengandungi unsur kesopanan iaitu salah satu aspek dalam keharmonian.

Selain daripada itu, dapatan bagi jenis yang sama dalam *Adaptor* juga dapat dilihat dalam ekstrak 36. Guru kelas telah memberitahu semua kanak-kanak bahawa masa makan akan tamat pada jam 12.40 tengahari sambil menunjukkan jarinya ke arah jam di dinding. Sesi ini bermula dengan G10, G11 dan G12 saling bertanya soalan matematik

sesama mereka. G12 bertanya kepada G11 mengenai ‘15’ dicampurkan dengan ‘5’. G11 telah menjawab dengan yakin sebagai ‘20’ iaitu jawapan yang dirasakannya adalah jawapan yang tepat. Malangnya, ketika dalam sesi soal jawab matematik itu, G10 telah menafikan jawapan yang diberikan G11 dengan memberikan jawapan yang disangkanya betul iaitu ‘30’. Guru kelas membetulkan kesilapan G10 dengan memberikan jawapan yang tepat.

Ekstrak 36

Sesi 6

4. G12:*jya...Ouchi Kokoro chan! jyu go tasu go wa*
Ok...Ouchi Kokoro chan! lima belas campur lima?
↑
5. G11: *Ni jyu!*
Dua puluh! (yang duduk di meja sebelah menjawab)
6. G10: *Ni jyu jya nai yo!*
Bukan dua puluh lah!

Ehh..to. jyu go tasu go wa... Sanjyu!
aa...limabelas campur lima...tigapuluhan!
7. T1: *Go tasu go wa jyu dakara... jyu tasu jyu de...ni jyu da yo!*
Lima campur lima sepuluh jadi...sepuluh campur sepuluh...dua puluh lah!
(Guru memberikan jawapan setelah terdengar perbualan mereka ketika sedang memasuki bilik mereka)
- 8. G11:** *Ni jyu datte yo!*
Dua puluh lah...cikgu kata!
(memandang kepada G10 sambil berkata kepada nya)

Ekstrak 36, pada ujaran 8 memaparkan G11(setelah mendengar jawapan dari guru) mengulangi semula jawapan yang didengarnya kepada G10.Dua puluh adalah jawapan yang sama seperti yang telah diberikan oleh G11 kepada G12. Pada ujaran 8 ini, G11 memberanikan dirinya untuk membetulkan kesilapan rakannya G10, dengan

bercakap sambil memandang terus(*eye contact*) kepada G10. Perlakuan yang ditunjukkan G11 ini menunjukkan beliau mempunyai niat yang ikhlas dan berani untuk menegur kesilapan yang dibuat rakannya (G10) (Wainwright,2003; Mason, 2003). Maka dalam ekstrak ini, sikap G11 memaparkan ciri-ciri disiplin sebagai satu nilai keharmonian iaitu berasa bertanggungjawab untuk memastikan rakan-rakannya diberitahu mengenai jawapan yang betul untuk soalan G10.

ii) Menyengetkan kepala ke kiri dengan lerekan mata ke kanan

Dalam ekstrak 37, kanak-kanak dalam kumpulan ini sedang menggunakan kotak ramalan yang telah dibuat sebelum itu. Kebanyakan kertas-kertas ramalan yang diletakkan di dalam kotak tersebut dibuat oleh beberapa orang kanak-kanak lelaki. Situasi di ekstrak ini dimulakan dengan salah seorang kanak-kanak perempuan iaitu G8, masuk ke ruang kelas mereka dan memberitahu yang lain bahawa dia baru sahaja memberitahu guru mereka tentang apa yang dikatakan B6. (Iaitu tentang Sato dan Yumeiho akan berkahwin). Namun B6 menyengetkan kepala ke kiri dengan lerekan mata ke kanan memandang G8. B6 menafikan cerita yang dinyatakan G8 dan kemudian menukar cerita yang Yumeiho (G9) akan berkahwin dengan Junya pula. Situasi ini telah membuatkan G9 marah.

9. B6: *Ore..Junya to kekcon te ittan des kedo.....*
Tapi aku kata...kawin dengan Junya....
10. B6: *Junya to kekcon te kaite aru kedo..*
Tapi ada tertulis kat sini...kawin dengan Junya..
11. G8: *Uso tsuki* (menengking dan memandang tepat kepada B6)
Bohong!
12. B6: *Hontou da yo!*
Betul lah!
13. G9:*Anna yatsu to kekcon shita kunai wa!*
Tak nak lah kahwin dengan budak macam tu!
14. B4: *Kekkon suru aite ga awanain da yo... ne!*
Mana padan kahwin dengan dia... kan! (dengan menyengetkan kepalanya ke kiri
dan mata memandang kepada G9 di sebelah kanannya)

Ekstrak 37 menunjukkan G9 yang marah, lalu menaikkan suara sambil menafikan yang beliau akan berkahwin dengan orang seperti B7 (Junya). B4, kemudian menyambung ujaran G9, di ujaran 14, seolah-olah menyokong G9. B4 mengujarkan ujaran 14 dengan menyengetkan kepalanya sambil memandang kepada G9. Perlakuan B4 (menyengetkan kepala ke kiri dengan pandangan mata ke G9) ini juga menunjukkan bahawa dia dapat memahami perasaan G9 pada ketika itu (Nagashima, 1973; Lebra 1973). Ini dibuktikan dengan penggunaan ‘ne’ di hujung ujaran 14 yang berfungsi untuk menyatakan hubungan antara penutur dan pendengar (Mc Gloin, 1990: 42; Ishikawa 1988: 32). Selain daripada itu menurut Ishikawa (1988: 32), ‘ne’ dalam ujaran juga berfungsi untuk menjemput atau mendapatkan pengesahan dari pendengar.

Cook (1990) pula menyatakan bahawa ‘ne’ di hujung ujaran adalah sebagai alat penunjuk kerjasama antara peserta dalam perbualan Jepun. Maka, ujaran 14 menunjukkan ciri keharmonian iaitu *omoyari* wujud dalam ekstrak ini.

Dalam ekstrak 38 di sesi 5, beberapa aktiviti bebas sedang berlangsung di waktu rehat. Salah satu daripadanya adalah sekumpulan kanak-kanak yang sedang berbual tentang ramalan yang diterima dari kotak ramalan yang dibuat oleh mereka sendiri. Dua atau tiga orang yang lain pula sedang bermain dengan huruf-huruf untuk membentuk satu perkataan dalam bahasa Jepun (seperti permainan ‘scrabble’). Terdapat beberapa orang yang keluar dan masuk ke dalam kelas hanya untuk memerhati rakan-rakan lain bermain atau berbual.

Ekstrak 38

Sesi 5

- | |
|--|
| 13. B6: <i>Honto datte!</i>
Betullah...dia kata!
(menyengetkan sedikit kepalanya ke kiri dan memandang kepada G7) |
| 14. B4: <i>Ryuchi kun to Ao chan wa kekkon suru te kaite attan da mo_</i>
Ryuchi kun kawin dengan Ao chan pun ada tertulis kan... |

Dalam ekstrak 38, pada ujaran 13, B6 kelihatan bersungguh-sungguh hendak meyakinkan G7(rujuk sesi 5 di lampiran 4.1) bahawa, ramalan yang diperoleh dari kotak ramalan itu adalah sesuatu perkara yang benar. (iaitu tentang Kaho suka kepada Hato). Ujaran 13 juga memaparkan B6 sedang menggunakan salah satu fungsi hubungan atau pandangan mata (*eye contact*) untuk menunjukkan keyakinan dan keikhlasan (Mason, 2003). Selain dari itu B6 (dengan pandangan mata yang tepat kearah pendengarnya) juga menunjukkan perhatian dan minat, mendominasi dan

mempengaruhi G7 (Wainwright, 2003). Maka ujaran 13 di ekstrak 38 ini juga, memaparkan B6 dan B4 mempunyai ciri-ciri bekerjasama untuk meyakinkan rakan mereka tentang kebenaran mesej yang disampaikan.

Seterusnya, ekstrak 39 adalah situasi di mana sekumpulan responden kanak-kanak lelaki sedang bermain dengan kotak ramalan yang baru disiapkan. B6 membacakan keratan kertas yang diperoleh dari dalam kotak ramalan mereka.

Ekstrak 39

Sesi 3

8. **B6:** *Richi chan wa...Semi ga...honto ni dai suki dayo ne*
Richi kan...sebenarnya...suka sangat pada Semi kan?
(memandang kepada B7 dan menyengetkan sedikit kepalanya ke kiri)
9. **B7:** *Soo...da yo ne!*
Yelah kan!
(sambil memandang kepada B6 dan menyengetkan sedikit kepalanya ke kiri dan bersetuju)

Di ekstrak 39, di ujaran 8 dan 9, B6 dan B7 saling mendapat sokongan antara satu sama lain terhadap apa yang di katakan mereka. Ini ditunjukkan dengan pandangan mata yang tepat oleh B6 ke arah B7 dan kepala B6 disengetkan sedikit ke kiri. Dalam ekstrak ini juga, hubungan mata (*eye contact*) ini menyokong apa yang dihuraikan oleh Givens (2008) dan Mason (2003) dalam pandangan mata dan perlakuan menyengetkan kepala. Selain itu, dari aspek ciri keharmonian yang dipamerkan oleh B6 dan B7, sikap bekerjasama antara satu sama lain.

d. *Adaptor*

i) **Mengerutkan hidung sambil mengepit hidung dengan**

hujung ibu jari dan jari telunjuk

Ekstrak 40,41 dan 42 adalah situasi yang berlaku dalam sesi 7 iaitu di mana sekumpulan kanak-kanak membina ‘keretapi buatan’ menggunakan blok-blok mainan. Setelah menyiapkan binaan ‘keretapi’, mereka berlakon seperti berada di atas ‘keretapi’ yang sedang bergerak. Ketiga-tiga ekstrak ini mempunyai persamaan seperti apa yang dinyatakan oleh Ghiradelli (1672) dalam Key (1975) yang menggunakan fungsi dan penggunaan hidung dalam hubungan komunikasi bukan lisan (bab 2.5).

Ekstrak 40

Sesi 7

15. B10: Kono densha...toire tsuketa!

Keretapi ni... ada tandas!

16. B10: Dakara...koko kusain da yo!

Sebab tulah...bau busuk kat sini!

(mengerutkan hidung sambil mengepit sedikit hidungnya dgn hujung ibu jari dan jari telunjuk.)

Di Ekstrak 40, dalam ujaran 15 dan 16, B10 memberitahu ‘penumpang’ kereta api tentang keadaan ‘tandas olok-loloknya’ yang berbau ‘busuk’. Untuk menunjukkan keadaan bau yang busuk dan untuk mengelak dari menghidu bau busuk tersebut, B10 mengerutkan hidung dan mengepit hidung dengan hujung ibu jari dan jari telunjuk. Perbuatan B10 mengerutkan hidung dan mengepit hidung menunjukkan ketidakselesaan nya dengan bau yang tidak menyenangkan di dalam ‘keretapi’ tersebut. B10, sebagai ketua di ‘syarikat keretapi ini’ dalam hal ini mengetahui bahawa, beliau mempunyai tanggungjawab besar iaitu untuk memastikan keselesaan perjalanan penumpang-penumpangnya. Maka sikap B10 yang berusaha untuk memastikan

penumpangnya sentiasa berasa selesa berada atas keretapi, menunjukkan disiplin sebagai satu ciri keharmonian yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini.

Ekstrak 41 memaparkan situasi di mana B10 sebagai ketua, sedang memberitahu penumpang ‘keretapi’nya bahawa kemudahan tandas juga ada disediakan dalam ‘keretapi buatan’ itu.

Ekstrak 41

Sesi7

18. B10: **Kusai...kusai!**

Busuk...busuk!

(mengerutkan hidung dan mengepit hidung dengan ibu jari dan jari telunjuk sambil tangan kanan mengibas-ngibas di hadapan hidungnya)

19. B10: **Kusai kara...koko kou o shite oko!**

Sebab busuk sangat..kita buat macam ni kat sini!

(sambil duduk menutup tempat yang dijadikan tandas olok-lok dengan satu kepingan blok mainan)

Dalam ekstrak 41, B10 di ujaran 18, mengerutkan hidung sambil tangannya mengibas-ngibas di hadapan hidung untuk menunjukkan beliau tidak menyenangi bau busuk yang dihidunya di kawasan tandas yang disediakan di dalam keretapi itu. B10 juga menasihati ‘penumpang’nya sambil menunjukkan pada mereka cara menutup tandas untuk mengelak dari terbau bau busuk. B10 dalam ekstrak ini, mempamerkan sikap yang bertanggungjawab untuk memastikan kebersihan ‘keretapi’ mereka terjamin. Selain daripada itu B10 juga menunjukkan sikap ‘tatemai’ iaitu mengutamakan kepuasan pelanggannya ketika berada di dalam ‘keretapi’ tersebut. Ini bermakna B10 mempamerkan 2 nilai keharmonian iaitu berdisiplin dan mengutamakan kepentingan orang lain (penumpang keretapi) dalam ekstrak 38 ini.

Ekstrak 42 memaparkan situasi dimana B10 memberitahu ‘penumpang’nya keadaan di dalam ‘keretapi buatan’ mereka.

Ekstrak 42

Sesi 7

20. *B10: Toire... kusai ne!*

Tandas...busuk kan!

(mengerutkan hidung dan mengibas-ngibas dengan tangan kanan sambil tangan kiri mengepit sedikit hidungnya dgn hujung ibu jaridan jari telunjuk.)

B10 mengulangi perbuatan yang sama seperti di ekstrak 41 (mengerutkan hidung dan mengibas-ngibas dengan tangan) dalam ekstrak 42. (Menurut maklum balas seorang guru tadika di tempat kajian ini dijalankan, B10 sentiasa bercakap dan mengaitkan situasi disekeliling nya dengan perkataan ‘busuk’ sejak dua minggu sebelum kajian ini dijalankan). Ini kemungkinan menunjukkan bahawa B10 sedang meniru gaya seseorang yang baru dilihatnya sebelum ini. Aspek keharmonian yang dapat dilihat dalam ekstrak 42 adalah ciri-ciri disiplin B10 sebagai seorang ‘ketua’ yang bertanggungjawab ke atas kebersihan di dalam keretapi buatan mereka.

4.2.2 Strategi Paralinguistik

Strategi paralinguistik dalam kajian ini iaitu sepetimana yang ditakrifkan definisi nya dalam bab 3.8, lebih memberi fokus kepada intonasi suara yang meninggi dan penghentian sementara atau jeda dalam pertuturan kerana kedua-duanya paling banyak digunakan. Intonasi suara meninggi dalam kajian ini paling banyak ditunjukkan ketika kanak-kanak memberikan petunjuk (*clue*) tentang perasaan dan emosi seperti bingung, geram, marah dan tidak faham. Antara hasil dapatan kajian ini adalah seperti berikut:

a. Intonasi meninggi ketika bingung dan tidak begitu faham

Beberapa orang kanak-kanak dalam kumpulan ini (sesi 1) sedang berbual tentang dua orang rakan mereka yang mempunyai nama pertama yang sama.

Ekstrak 43

Sesi 1

33. G3: *Ami ga ne..Haruto kun to yondara,
docchi mo kichaoun dayo hontou wa!..*
Ami kan..bila panggil nama Haruto ‘kun’,
dua-dua pun datang!

34. B1: *heii* ↑ (dengan intonasi meninggi tetapi pendek)
Heii?

35. G3: *Tabun sa.. Ami ga haruto kun to yondara dochimo kichau to
Omoun dakedo..*
Mungkin ek.. kalau panggil aje Haruto ‘kun’, Ami rasa kan,
dua-dua pun datang..

Ekstrak 43 pada ujaran 34, menunjukkan B1 tidak begitu faham apa yang dimaksudkan oleh G3. B1 meninggikan suaranya dengan menyebut ‘heii’ iaitu dengan intonasi yang meninggi tetapi pendek. Melalui ujaran 34 ini, B1 sebenarnya bermaksud meminta G3 mengulangi apa yang diberitahunya pada ujaran 33. Maksud yang hendak disampaikan B1 di ujaran 34 ini, dapat dilihat jawapannya pada ujaran 35, di mana G3 membala dengan mengulangi semula ujaran 33. Kajian menunjukkan walaupun dengan sebutan ‘heii’, penerima mesej, iaitu G3 telah dapat memahami maksud yang hendak disampaikan oleh B1. Maka, penggunaan ‘heii’ yang meninggi dengan bunyi yang pendek ini mempamerkan fungsi meminta untuk dijelaskan semula apa yang didengarnya sebelum itu. Kajian ini tidak mendapati sebarang nilai keharmonian di dalam ekstrak ini.

Intonasi meninggi dengan maksud yang sama dapat juga dilihat di ekstrak 44. Ekstrak ini memaparkan tentang interaksi dua orang responden kanak-kanak lelaki yang berdarah kacukan. B10 berbangsa Cina (Malaysia) dan Jepun, manakala B12 adalah hasil perkahwinan campur Jepun dan Korea.

Ekstrak 44

Sesi 8

- | | |
|--|--|
| 4. B10: <i>You is Chinese?</i>
Awak orang Cina?

5. B12: <i>Unh</i> (dengan intonasi meninggi tetapi pendek)
Ye?

6. B10: <i>You... Chinese?</i>
Awak...orang cina?
(memahami pertanyaan B12 lalu mengulangi soalannya sambil menunjuk pd rakannya dengan pensil di tangan)

7. B10: <i>Why.. you is Chinese?</i>
Kenapa.. awak orang Cina?

8. B12: <i>Unh....you</i>
Ye... awak? | 

 |
|--|--|

Ekstrak 44 memaparkan keadaan dimana B12 berkemungkinan tidak pasti atau kurang faham apa yang didengarnya lalu meninggikan suaranya di ujaran 5. Dalam hal ini, B10 memahami maksud ujaran 5 (oleh B12) lalu mengulangi semula apa yang diujarnya sebelum itu (ujaran 4). Namun sebelum sempat B12 memberi responsnya, B10 telah mengutarakan soalan yang seterusnya pula pada ujaran 7. B12 di ujaran 8, dilihat menjawab ujaran 6 , walaupun ketika itu B10 telah pun bertanya dengan soalan yang seterusnya (ujaran 7). Ini menunjukkan strategi menggunakan intonasi meninggi yang diujarkan B12 berjaya difahami oleh B10. Tiada ciri keharmonian dapat dilihat di

sini.

Ekstrak 45 dalam sesi 8 adalah mengenai dua orang kanak-kanak yang mempunyai latar belakang ibu dan ayah yang berkahwin campur. Kedua-dua mereka menggunakan campuran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ketika berinteraksi. Pada sesi 8, sekumpulan kanak-kanak melakukan aktiviti mewarnakan gambar telah disediakan oleh guru mereka. Ketika sedang mewarna, G10 (yang berada jauh dari mereka) datang menghampiri meja.

Ekstrak 45

Sesi 8

- | | |
|--|---------------------------------|
| 29. G10: <i>Watashino motto kawai yo!</i> | Saya punya lagi cantik lah! |
| | |
| 30. B12: <i>Nani Nan da yo</i> | ↑
(dengan intonasi meninggi) |
| Apa? Apa ni? | |

Ekstrak 45 dalam ujaran 29, G10 tiba-tiba datang menghampiri meja B12 sambil memberitahu tentang lukisannya (G10) adalah lebih cantik dari yang dilukis oleh B12. Ujaran G10 ini membuatkan B12 rasa kurang senang dan menyoal semula G10 dengan intonasi yang meninggi seperti pada ujaran 30. B12 menggunakan intonasi meninggi untuk menunjukkan beliau tidak faham dan bingung terhadap G10 yang tiba-tiba datang padanya dan mengujarkan seperti ujaran 30. B12 kelihatan sedikit beremosi ketika mengeluarkan ujaran ini. Intonasi meninggi mempamerkan tidak faham atau bingung ini telah di sokong oleh Berko, Wolvin & Wolvin (1992). Tiada nilai keharmonian dapat dilihat di dalam ekstrak ini.

b. Intonasi meninggi yang kuat menunjukkan penegasan bunyi (*stress*) dan kekuatan emosi (*intensity*)

Ekstrak 46 di ambil dari sesi 5 yang melibatkan sekumpulan responden kanak-kanak lelaki yang cuba mempermudahkan rakan-rakan perempuan mereka melalui penggunaan ‘kotak ramalan’. Dalam sesi 4, salah seorang rakan lelaki kumpulan ini dikatakan akan berkahwin dengan G9 (melalui cabutan kertas ramalan dari ‘kotak ramalan’). Bersambung di sesi 5, G9 ketika ini cuba menafikan yang beliau tidak akan berkahwin seperti mana yang dikatakan oleh B6 pada sesi 4.

Ekstrak 46	Sesi 5
<p>2. G9: <i>Kekkon shite inai..yo!</i> <i>Shite inai.. yo!</i> <i>Shite inai..yo!</i></p> <p>Tak kawin lah! Tak kawin lah! Tak kawin lah!</p> <p>3. G8: <i>Kekkon shite inai yo ne!</i> Tak kawin lah kan!</p>	↑↑

Merujuk ekstrak 46 di atas, G9 meninggikan suaranya pada ujaran 2. G9 menjadi terlalu marah kepada rakan yang menuduhnya akan berkahwin dengan seseorang. Ini dipamerkan dengan mengulang sebanyak 3 kali ujaran yang sama seperti di ujaran 2. Ujaran 2 dilakukan dengan intonasi yang semakin meninggi pada setiap ulangan untuk menunjukkan keadaan emosi nya yang sangat marah pada ketika ujaran dibuat.

Ekstrak 47 memaparkan tentang B8 yang tidak selesa apabila ada rakan-rakannya yang mentertawakannya di sesi 3.

- 10.G7: *ee...kimochi warui!*
ee...,nak termuntah! (sambil ketawa)
11. G8: *kimochi warui!*
nak termuntah! (sambil ketawa)
12. B8: *Warrachai ikenai no!*
Tak baik tau ketawakan..
- 

Ekstrak 47 memaparkan B8 menggunakan intonasi yang tinggi seperti menjerit dengan tujuan menegaskan kepada rakan-rakannya iaitu G7 dan G8 yang berada berdekatan.B8 melakukan sebegitu supaya rakan-rakan perempuannya ini, tidak terus mentertawakan apa yang dikatakan oleh rakannya B6 (tentang Richi yang sangat suka pada Semi).Kajian ini tidak menemui mana-mana ciri keharmonian dalam interaksi antara kanak-kanak dalam ekstrak 47 ini.

Ekstrak 48 menceritakan tentang interaksi di sesi 4 di mana B6 membuat cerita tentang rakan-rakannya yang dikatakan akan berkahwin berdasarkan apa yang tertulis dalam ‘kotak ramalan’. Hal ini telah membuat G8 marah dan melaporkan nya kepada gurunya iaitu, cikgu Nishioka. Setelah mendapat tahu tentang G8 melaporkan hal nya (B6) kepada guru, B6 menafikan apa yang telah dikatakan nya di awal perbualandan kemudian menukar pula ceritanya kepada yang lain (lebih terperinci di bahagian di perbincangan).

11. G8: *Uso tsuki* ↑↑
Bohong..

G8 dalam ujaran 11 di atas, telah menaikkan suara nya dengan intonasi yang tinggi dan kuat seperti menjerit untuk menegaskan bahawa B6 berbohong tentang apa yang dikatakannya. G8 pada ketika ujaran ini dilakukan, sangat marah terhadap B6 kerana cuba menukar cerita asal. (B6 pada awalnya menceritakan tentang perkahwinan Sato dan Yumeiho dan kemudianmenukar cerita kepada Sato dan Junya setelah G8 memberitahu bahawa dia telah melaporkan tentang hal B6 kepada gurunya.) Ekstrak ini menunjukkan ujaran dengan intonasi yang meninggi dan kuat mempamerkan emosi G8 yang sangat marah. Walaupun begitu, sebenarnya, G8 bukanlah orang yang disebut oleh B6 dalam kedua-dua soal perkahwinan (dari kotak ramalan) itu. Namun ia adalah kerana B6 berbohong dengannya (G8) tentang hal sebenar dan juga sebab hal perkahwinan yang sengaja dipermainkan itu adalah mengenai rakan baiknya, G9. Ini bermakna G8 dapat merasakan bahawa rakannya, G9 akan berasa marah sekiranya dia mengetahui tentang apa yang dikatakan oleh B6 tentang dirinya.Maka perlakuan G8 ini menunjukkan G8 mampu membuat pertimbangan terhadap perasaan orang lain. Maka dalam hal ini, dapatan kajian membuktikan G8 mempunyai sikap *omoiyari* atau empati sebagai satu ciri keharmonian .

c. **Intonasi meninggi atau menaik dengan penghentian sementara atau jeda**

Ekstrak 49 di sesi 4, memaparkan tentang situasi dimana G8 baru sahaja memasuki ruang kelas. Ketika memasuki bilik, G8 memberitahu bahawa dia telah melaporkan tindakan B6 (yang menyakitkan hati rakannya (G9) dengan mereka cerita tentang perkahwinan rakannya itu.) kepada gurunya, Cikgu Nishioka.

Ekstrak 49

Sesi 4

- | | |
|--------|---|
| 1. G8: | <i>Nishioka sensei ni yutta kara</i>
Dah cakap pada cikgu Niashioka dah. |
| 2. B6: | <i>Nande.....e</i>
↑
eh...Kenapa? |

Merujuk ekstrak 49 di atas, B6 tidak menyangka G8 akan melaporkan perbuatannya kepada gurunya, lalu di ujaran 2, B6 menyoal G8, seolah-olah menunjukkan dirinya dalam kehairanan dan terkejut. Kajian tidak menemui sebarang nilai keharmonian di dalam ekstrak ini.

Sambungan dari ekstrak 49, ekstrak 50 menunjukkan G8 mengulangi ujaran yang pernah disebut oleh B6 di sesi 3 (rujuk lampiran 4.1).

Ekstrak 50

Sesi 4

- | | |
|--------|--|
| 3. G8: | <i>Sato to Yumeiho wa kekkon datte..</i>
Cakap Sato dengan Yumeiho nak kahwin.. |
| 4. B6. | <i>ee.....nande</i>
↑
eh....kenapa? |

Dalam ekstrak 50 di atas, G8 di ujaran 3 mengulangi semula apa yang telah diujarkan oleh B6 (di sesi 3), untuk mengembalikan ingatan B6 dan menerangkan

kepada B6 sebab beliau (G8) membuat laporan tentang B6 kepada guru mereka. B6, di ujaran 4, sekali lagi memaparkan dirinya seolah-olah dalam kebingungan dan kehairanan. Tiada ciri keharmonian di temui dalam ekstrak 50 di atas.

Ekstrak 51 di sesi 7 pula menunjukkan situasi dimana perbualan berlaku di dalam ‘keretapi buatan’ antara B10 dengan penumpangnya. Di ekstrak 51 ini, B10 terlihat ada seseorang yang kelihatan seperti hendak mengambil blok mainannya, tanpa mengetahui, blok itu adalah ‘duit hasil bayaran tambang dari penumpang-penumpangnya’.

Ekstrak 51

Sesi 7

11. B10: *Boku no kore...okane...dakara...sawaranai de yo*
Ni saya punya...duit...jadi...jangan sentuh lah!

Dalam ekstrak 51, penggunaan jeda atau penghentian seketika dapat dilihat dalam ujaran 11. B10 kelihatan membuat ujaran dengan beberapa penghentian seketika (jeda) antara perkataan dan dengan intonasi dan nada yang meninggi. Ujaran 11 ini juga memaparkan B10 seperti dalam keadaan yang marah ketika melihat seseorang seperti hendak mengambil ‘duit’ (dalam bentuk blok mainan) miliknya. Kajian mendapati B10 dalam ujaran 11 bertindak melarang dengan ujaran yang tersekat-sekat (dengan beberapa jeda), sebab beliau tidak berani untuk menegur orang yang mengambil duitnya itu tetapi melakukan ujaran 11 dalam keadaan terpaksa (iaitu setelah melihat ‘duit’nya hampir hendak diambil orang lain). Dapatkan menunjukkan terdapat nilai bertanggungjawab dan sifat amanah B10 terhadap ‘wang syarikat’ dalam ekstrak 51 namun tidak dapat dipastikan.

d. Intonasi mendatar berfungsi untuk menerangkan dengan tenang

Ekstrak 52 memaparkan tentang B6 yang seolah-olah masih tidak memahami perkara yang telah diterangkan oleh G8 sebelum itu. Perkara itu adalah mengenai G8 yang telah melaporkan tentang perilaku B6 kepada guru mereka cikgu Nishioka. Sebelum itu, G8 di sesi 4, ujaran 3 (rujuk lampiran 4.1) telah mengatakan bahawa B6 telah mereka cerita tentang Sato dan Yumeiho (G9) akan perkahwin. Kebetulan pada masa itu rakan baik G8 iaitu G9 tidak ada di tempat mereka sedang bercakap.

Ekstrak 52

Sesi 4

- | | | |
|--|---|--|
| 7. G8: <i>Dakara</i> __
Macam ni__
(dengan nada rendah, panjang dan intonasi menurun) | ↓ | |
| 8. B6: <i>Nande</i>
Kenapa? | | |
| 9. B6: <i>Ore...Junya to kekkon te ittan des kedo...</i>
Tapi aku kata...kawin dengan Junya.... | | |

Berdasarkan ekstrak 52 di atas, G8 di ujaran 7 cuba untuk menerangkan sekali lagi (cubaan kali ke 3- rujuk lampiran 4.1) kepada B6 sebab, dia melaporkan hal B6 kepada guru mereka. G8 mengujarkan ujaran 7 dengan nada yang rendah tetapi panjang dan dengan intonasi yang menurun. G8 cuba menenangkan keadaan dan cuba untuk bersabar dengan sikap B6 yang menyakitkan hati G8. Walaupun G8 telah beberapa kali mengulangi, namun B6 pada ujaran 9, mula menukar ceritanya. Dari aspek keharmonian, G8 menunjukkan sikap bertolak ansur dan sabar dengan kelakuan B6 yang sentiasa berdolak dalih untuk mengakui kesalahannya yang mereka cerita tentang perkahwinan rakan G8 iaitu G9.

Akhir sekali, di ekstrak 53, sesi 2 memaparkan situasi dimana beberapa orang responden kanak-kanak perempuan sedang menjalankan aktiviti menjahit (*cross stitch*) di atas sehelai kain kecil. G5 baru hendak menyambung kerjanya iaitu membantu G4 menjahit hasil kerja tangan (G4) nya selepas berehat seketika.

Ekstrak 53

Sesi 2

1. G5: **Doko made yatta ke__.**

Sampai kat mana kita dah buat ye__

(dengan intonasi rendah dan panjang tetapi perlakan)

2. G4: **Ne..Momo chan, kore do yatte suru no↑ yakkuri yatte..**

Ni..Momo chan, yang ni, macam mana kita buat ye?

Tunjuk perlahan-lahan ye...

Dalam ekstrak 53, G5 pada ujaran 1, menggunakan intonasi dan nada mendatar dan panjang di hujung ujarannya untuk cuba mengingati pada tahap mana dia telah berhenti membantu (menjahit) G4 sebelum ini. G5 pada ketika ujaran ini, baru hendak menyambung semula kerja membantu G4 yang telah dilakukannya sebelum ini. Maka fungsi intonasi mendatar menunjukkan ketika ujaran dilakukan, G5 sedang berfikir. Dari aspek keharmonian, ciri bekerjasama antara G5 dan G4 dapat dilihat dalam ekstrak ini. Nilai bekerjasama ini dilihat dalam perlakuan antara G5 yang berumur 6 tahun terhadap G4 yang baru berumur 4 tahun untuk memberi tunjuk ajar dalam kerja-kerja menjahit (*cross stitch*). G4 juga telah menunjukkan sifat hormat dan terhadap rakan nya yang lebih berusia dengan menyambut baik bantuan dari G5 yang menunjukkan kesediaan untuk membantu memberi tunjuk ajar.

4.2.3 Rumusan

Sebagai kesimpulan kepada perbincangan mengenai strategi komunikasi bukan lisan yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah berdasarkan komunikasi bahasa tubuh dan paralinguistik, berikut dirumuskan jenis-jenis strategi dan nilai-nilai keharmonian yang telah dibincangkan:

1. Strategi Bahasa Tubuh

Dapatan kajian dalam aspek bahasa tubuh merangkumi pengaruh paparan, lambang, *regulator* dan *adaptor*. Secara keseluruhannya, responden kanak-kanak dalam kajian ini telah didapati menggunakan strategi pengaruh paparan seperti membeliakkkan mata sambil meletakkan tangan pada pinggang untuk menunjukkan emosi yang sangat marah. Nilai keharmonian seperti empati telah dapat dilihat di dalam ekstrak 29 ketika melakukan strategi komunikasi bukan lisan ini iaitu contohnya apabila seorang kanak-kanak perempuan (G7) menunjukkan rasa marahnya terhadap B4 kerana mempermainkan rakan nya(G9) yang kebetulan tiada di lokasi tersebut ketika ia situasi ini berlaku.

Dalam strategi lambang, kanak-kanak Jepun dalam kajian ini didapati menundukkan sedikit kepala ke bawah bagi menunjukkan tanda hormat. Perbuatan tunduk ini didapati selalunya disertai dengan ucapan maaf, terima kasih atau pun sama-sama. Dapatan ini telah memaparkan nilai keharmonian dimana perbuatan menundukkan kepala adalah merupakan bentuk sapaan bukan lisan yang menunjukkan hormat dan melambangkan kesopanan bagi masyarakat Jepun (Dewan Bahasa, Mac 2009).

Seterusnya, bagi *Regulator* dalam konteks kajian ini, dapatan adalah lebih berkait dengan pandangan mata dan gerakan kepala. Strategi bukan lisan yang diperoleh daripada hasil dapatan adalah seperti pandangan mata tepat kepada sasaran pendengarnya dan menyengetkan kepala ke kiri dengan lerekan mata ke kanan. Menurut Wainwright (2003) dan Mason (2003) pandangan yang terus kepada sasaran pendengarnya mengandungi maksud keyakinan, keikhlasan dan berani selain daripada perhatian dan minat serta mendominasi. Dalam aspek ini, nilai keharmonian yang ditunjukkan adalah seperti disiplin dan bertanggungjawab. Manakala perbuatan menyengetkan kepala dengan lerekan mata kepada sasaran di sebelah kanan dalam beberapa ekstrak mengandungi nilai-nilai *omoyari* atau empati.

Manakala dalam *Adapter*, dapatan memaparkan kanak-kanak mengerutkan hidung sambil mengepit hidung dengan ibu jari dan jari telunjuk dan mengerutkan hidung sambil mengibas-ngibas dengan tangan untuk menunjukkan ketidakselesaan mereka dengan bau yang tidak menyenangkan dalam ‘keretapi’ iaitu permainan blok yang dijadikan ‘keretapi’. Menurut Ghiradelli (1672) dalam Key (1975) perbuatan seperti ini menunjukkan satu strategi komunikasi bukan lisan yang menggunakan fungsi hidung. Ekstrak 40, 41 dan 42 yang berkaitan dengan *Adaptor* mengandungi nilai-nilai keharmonian seperti berdisiplin dan mengutamakan orang lain dimana B10 sebagai ketua ‘syarikat keretapi’ menunjukkan rasa tanggungjawabnya untuk mengutamakan keselesaan ‘penumpang keretapi’ dengan memastikan tidak ada bau busuk di dalam ‘keretapi’ tersebut.

2. Strategi Paralinguistik

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian dalam bahagian ini memaparkan intonasi meninggi digunakan dalam 2 situasi yang berbeza iaitu untuk menunjukkan berada dalam keadaan bingung (Berko, Wolvin & Wolvin (1992) dan ketika membuat penegasan bunyi serta kekuatan emosi. Dapatan kajian juga menunjukkan intonasi boleh menjadi semakin meninggi pada setiap ulangan untuk menunjukkan emosi yang sangat marah seperti dalam ekstrak 46. Ekstrak 28 dalam konteks menjerit dan menegaskan bahawa perkara yang dibincangkan (tentang perkahwinan) memaparkan emosi yang marah. Namun ekstrak 28 mengandungi nilai *omoiyari* atau empati yang menunjukkan G8 yang marah kepada B6 kerana mempertahankan rakannya G9 daripada dipermainkan oleh rakan mereka. Selain itu, dapat disimpulkan juga bahawa intonasi meninggi dengan penghentian sementara atau jeda juga banyak digunakan oleh responden kajian ini. Satu lagi aspek yang berkaitan dengan intonasi adalah intonasi mendatar yang berfungsi untuk menerangkan dengan tenang dan juga menunjukkan situasi sedang berfikir. Ekstrak 53 mengandungi ciri bekerjasama sebagai satu nilai keharmonian.

4.3 Bahagian III: Dapatan Strategi Komunikasi Lisan Mengikut Gender

4.3.0 Pengenalan

Bahagian III ini terdiri daripada dapatan keseluruhan strategi komunikasi lisan mengikut gender. Objektif bahagian ini adalah untuk melihat kekerapan penggunaan setiap strategi komunikasi yang telah ditemui daripada dapatan kajian di bahagian 4.1. Kajian ini melibatkan 24 orang responden kanak-kanak Jepun prasekolah yang terdiri daripada 13 orang responden kanak-kanak lelaki dan 11 orang responden kanak-kanak perempuan. Dari segi umur kanak-kanak, terdapat 10 orang kanak-kanak yang berumur 6 tahun, 9 orang berumur 5 tahun, 4 orang kanak-kanak berumur 4 tahun dan seorang kanak-kanak berumur 3 tahun. Oleh kerana bilangan kanak-kanak bagi setiap umur tidak seimbang, maka kajian akan hanya melihat strategi komunikasi dari aspek gender sahaja. Bilangan kekerapan penggunaan strategi lisan dikira secara manual melalui data transkripsi yang diperolehi. Kekerapan penggunaan setiap strategi komunikasi telah dikira dalam bentuk peratusan (%). Pengiraan kadar peratusan penggunaan strategi komunikasi adalah bersamaan dengan bilangan kekerapan bagi sesuatu jenis atau fungsi strategi komunikasi dibahagikan dengan jumlah kekerapan bagi jenis strategi komunikasi tersebut didarabkan dengan seratus iaitu sepertimana yang ditunjukkan di Jadual 3.8.

4.3.1Keseluruhan Strategi Komunikasi Kanak-kanak Jepun

Jadual 4.3.1: Kekerapan Strategi Komunikasi Kanak-kanak Jepun

Jenis Strategi Komunikasi	Bilangan kekerapan
Strategi Pertanyaan	18 (32.14%)
Strategi Permintaan	5 (8.93%)
Strategi Bantahan	9 (16.07%)
Strategi Panggilan	11 (19.64%)
Strategi ‘Negative Labelling’	4 (7.14%)
Strategi ‘Malaysian English’	3 (5.36%)
Strategi Pengulangan	6(10.71%)
Jumlah Keseluruhan Bilangan Kekerapan	56 (100%)

Jadual 4.3.1 memaparkan bilangan kekerapan bagi setiap jenis strategi komunikasi yang ditemui dalam kajian ini. Untuk tujuan kajian ini, jumlah masa rakaman video diambil sebanyak 720 minit. Walau bagaimanapun, kajian telah mengenalpasti ekstrak-ekstrak yang terlibat untuk dianalisis yang keseluruhannya berjumlah 80 minit. Secara keseluruhannya, jumlah bilangan kekerapan kesemua strategi komunikasi yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini adalah sebanyak 56 kali. Data menunjukkan kanak-kanak Jepun pra sekolah dalam kajian ini paling kerap menggunakan strategi pertanyaan ketika berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka. Jumlah kekerapan penggunaan strategi pertanyaan ialah sebanyak 18 kali (32%) dari jumlah 56 kali kekerapan kesemua strategi komunikasi yang ditemui. Berdasarkan hasil dapatan, kajian telah menunjukkan bahawa secara umumnya, kanak-kanak memang suka bertanya. Hal ini kemungkinan berlaku disebabkan oleh sifat ingin tahu mereka yang merupakan suatu sifat semulajadi kanak-kanak (Mohd. Sharani Ahmad, 2006).

i) Keseluruhan Strategi Komunikasi Mengikut Gender

Jadual 4.3.1a: KekerapanKeseluruhan Strategi KomunikasiMengikut Gender

Jenis Strategi Komunikasi	Bilangan Keseluruhan Kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Strategi Pertanyaan	18	11 (19.64%)	7 (12.50%)
Strategi Permintaan	5	3 (5.36%)	2 (3.57%)
Strategi Bantahan	9	7 (12.50%)	2 (3.57%)
Strategi Panggilan	11	4 (7.14%)	7 (12.50%)
Strategi ‘Negative Labelling’	4	3 (5.36%)	1 (1.78%)
Strategi ‘Malaysian English’	3	0	3 (5.36%)
Strategi Pengulangan	6	2 (3.57%)	4 (7.14%)
Jumlah Keseluruhan Bilangan Kekerapan	56 (100%)	30 (53.57%)	26 (46.42%)
bagi 7 jenis strategi komunikasi			

Jadual 4.3.1a telah mengumpulkan semua jenis strategi komunikasi yang digunakan mengikut gender. Secara keseluruhannya, kanak-kanak perempuan menyumbangkan peratusan yang paling tinggi dalam strategi pertanyaan iaitu hampir 20% berbanding hanya 12% bagi kanak-kanak lelaki. Hasil dapatan ini menunjukkan responden kanak-kanak perempuan lebih banyak bertanya daripada responden kanak-kanak lelaki. Walau bagaimanapun, hasil dapatan ini hanya terhad kepada responden dalam kajian ini sahaja.

Seterusnya, dapatan kajian akan dijelaskan dengan lebih terperinci iaitu berdasarkan kekerapan bagi setiap jenis strategi komunikasi yang ditemui mengikut gender.

4.3.2 Strategi Pertanyaan

Mengikut dapatan kajian, strategi pertanyaan telah digunakan sebanyak 18 kali oleh responden kanak-kanak dalam kajian ini. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa strategi pertanyaan telah digunakan dalam berbagai fungsi. Pecahan fungsi-fungsi ini adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.3.2. Jadual tersebut turut memaparkan bilangan kekerapan yang digunakan bagi setiap fungsi dalam strategi pertanyaan.

Jadual 4.3.2: Kekerapan Strategi Pertanyaan Mengikut Fungsi

Jenis Strategi Pertanyaan Mengikut Fungsi	Bilangan kekerapan
Memberi pendapat	3 (17%)
Untuk tidak menyinggung perasaan	1 (6%)
Untuk mendapatkan kepastian	7 (38%)
Mendapatkan sokongan	3 (17%)
Mengharapkan sokongan yang lebih kuat	2 (11%)
Mendapatkan informasi	2 (11%)
Jumlah bilangan kekerapan	18 (100%)

Jadual 4.3.2 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi pertanyaan mengikut fungsi. Berdasarkan hasil dapatan yang dipaparkan di jadual ini, strategi pertanyaan telah dikenalpasti paling kerap digunakan untuk mendapatkan kepastian iaitu sebanyak 38% daripada jumlah keseluruhan kekerapan (18 kali). Maka kajian telah menunjukkan bahawa kanak-kanak Jepun pra sekolah dalam kajian ini suka bertanya untuk mendapatkan kepastian tentang sesuatu perkara. Hal ini kemungkinan mempunyai kaitan dengan aspek kesopanan.

i) Strategi Pertanyaan Mengikut Gender

Jadual 4.3.2a: Kekerapan Jenis Strategi Pertanyaan Mengikut Gender

Jenis Strategi Pertanyaan	Bilangan Kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Memberi pendapat	3	2 (11.11%)	*1 (5.56%)
Untuk tidak menyinggung perasaan	1	0	*1 (5.56%)
Untuk mendapatkan kepastian	7	5 (27.78%)	*2 (11.11%)
Mendapatkan sokongan	3	*2 (11.11%)	*1 (5.56%)
Mengharapkan sokongan yang lebih kuat	2	*1 (5.56%)	*1 (5.56%)
Mendapatkan informasi	2	1 (5.56%)	1 (5.56%)
Jumlah bilangan kekerapan	18 (100)	11 (61.11%)	7(38.89%)

* Terdapat orang yang sama membuat ujaran yang berbeza

Berdasarkan Jadual 4.3.2a tersebut, responden kanak-kanak perempuan mencatatkan jumlah kekerapan yang lebih tinggi dalam membuat pertanyaan berbanding kanak-kanak lelaki. Jumlah bilangan kekerapan bagi kanak-kanak perempuan adalah 61 % manakala bagi kanak-kanak lelaki hanya 39 %. Kanak-kanak perempuan didapati lebih kerap menggunakan strategi pertanyaan untuk mendapatkan kepastian dalam sesuatu komunikasi berbanding menggunakan fungsi yang lain. Rujuk gaya komunikasi orang perempuan Jepun dengan orang lelaki Jepun dalam Bab 2 dari Niyekawa (1991). Dapatan kajian memaparkan terdapat kemungkinan responden kanak-kanak perempuan lebih menunjukkan sifat feminin dan aspek kesopanan dalam ujaran mereka.

4.3.3 Strategi Permintaan

Jadual 4.3.3: Kekerapan Strategi Permintaan Mengikut Fungsi

Jenis strategi permintaan	Bilangan kekerapan
Meminta diberi barang	3 (60%)
Meminta izin untuk melihat	1 (20%)
Meminta ditunjukkan cara membuat sesuatu perkara	1 (20%)
Jumlah bilangan kekerapan	5 (100 %)

Jadual 4.3.3 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi permintaan yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun dalam kajian ini. Dapatan kajian telah menunjukkan selain daripada strategi pertanyaan, kanak-kanak Jepun pra sekolah dalam kajian ini juga menggunakan strategi permintaan untuk berbagai fungsi. Berdasarkan dapatan, mereka (responden kanak-kanak) lebih kerap menggunakan strategi permintaan ketika hendak meminta untuk diberi sesuatu barang. Walau bagaimanapun, merujuk kepada jadual 4.3.3 hasil dapatan di atas tidak menunjukkan data yang signifikan untuk dikaji dengan lebih lanjut.

4.3.4 Strategi Bantahan Mengikut Fungsi

Jadual 4.3.4: Kekerapan Strategi Bantahan Mengikut Fungsi

Jenis strategi bantahan	Bilangan kekerapan
Membuat tuduhan balas untuk menolak sesuatu kenyataan	3 (33.3%)
Memberi amaran balas tanda tidak setuju tentang sesuatu kenyataan	3 (33.3%)
Membantah dan menegaskan dengan nada yang tinggi	3 (33.3%)
Jumlah bilangan kekerapan	9 (100%)

Dari segi bantahan, berdasarkan data di Jadual 4.3.4,bantahan yang digunakan oleh responden kanak-kanak dalam kajian ini, kerap digunakan untuk membuat tuduhan balas, memberi amaran dan menegaskan tentang pendirian.

i) Strategi Bantahan Mengikut Gender

Jadual 4.3.4a:Kekerapan Jenis Strategi Bantahan Mengikut Gender

Jenis strategi bantahan	Bilangan kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Membuat tuduhan balas untuk menolak sesuatu kenyataan	3	2(22.22%)	1 (11.11%)
Memberi amaran balas tanda tidak setuju tentang sesuatu kenyataan	3	2 (22.22%)	1 (11.11%)
Membantah dan menegaskan dengan nada yang tinggi	3	3 (33.33%)	0
Jumlah bilangan kerapan	9 (100)	7 (77.78%)	2 (22.22%)

Jadual 4.3.4a menunjukkan kekerapan jenis strategi bantahan mengikut gender.

Hasil dapatan telah menunjukkan kanak-kanak perempuan paling kerap menggunakan strategi bantahan iaitu 7 daripada 9 bantahan yang dibuat. Merujuk kepada lampiran 4.2, terdapat seorang kanak-kanak perempuan yang menggunakan strategi bantahan sebanyak 5 kali. Dapatan telah menunjukkan responden kanak-kanak perempuan didapati kerap menggunakan strategi bantahan bagi menafikan tuduhan responden kanak-kanak lelaki terhadapnya. Berdasarkan hasil dapatan, bantahan dalam konteks ini dilakukan dengan emosi yang marah, maka dengan tidak secara langsung ia menunjukkan ketegasan seorang kanak-kanak perempuan. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian terdahulu tentang masyarakat Jepun iaitu maskulin masyarakat Jepun, ucapan feminin digambarkan sebagai lembut, ucapan secara tidak langsung, sopan, tidak berdaya, tidak tegas dan tidak menonjolkan diri. (Okamoto, 1995; Reynolds-

Akiba, 1993; Shibamoto, 1985; Smith, 1992). Ide (1979) berpendapat bahawa ucapan feminin menunjukkan peranan sosial wanita yang harus lembut untuk mewujudkan keadaan yang aman dan menyenangkan bagi orang lain dan sebagainya. Ide (1990) berpendapat bahawa ramai masyarakat Jepun percaya bahawa wanita harus berbicara lebih sopan daripada orang lelaki. Okamoto (2002) menyatakan bahawa media menyebarkan idea bahawa bercakap sopan adalah kemampuan penting bagi seorang wanita yang terpelajar.

4.3.5 Strategi Panggilan Mengikut Fungsi

Jadual 4.3.5: Kekerapan Strategi Panggilan Mengikut Fungsi

Jenis strategi panggilan mengikut fungsi	Kekerapan
Menggunakan Nama sendiri atau ‘First Name’ (FN) ketika membahasakan diri	7 (63.64%)
Menggunakan Gantinama diri pertama seperti ‘Watashi’ /Boku/‘Ore’ (Aku)	4 (36.36%)
Jumlah bilangan kekerapan	11 (100%)

Jadual 4.3.5 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi panggilan yang dibahagikan mengikut fungsi yang digunakan oleh responden. Bagi fungsi penggunaan nama sendiri atau ‘First Name’ (FN) ketika membahasakan diri, mencatatkan kekerapan yang lebih tinggi berbanding fungsi menggunakan kata gantinama diri pertama seperti ‘watashi’/Boku/ ‘Ore’ (Aku) iaitu masing-masing 60 % dan 40 %. Hasil dapatan ini menyokong kenyataan Niyekawa (1991) bahawa adalah biasa bagi kanak-kanak Jepun menggunakan ‘First Name’ ketika membahasakan diri mereka dengan rakan mereka.

i) Strategi Panggilan Mengikut Gender

Jadual 4.3.5a: Perbezaan Jenis Strategi Panggilan Mengikut Gender

Jenis strategi panggilan mengikut fungsi	Bilangan kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Menggunakan nama sendiri atau ‘First Name’ (FN) ketika membahasakan diri	7(63.63%)	3 (27.27%)	4(36.36%)
Menggunakan ganti nama diri seperti ‘watashi’/‘Boku’/ ‘Ore’ (aku)	4(36.36%)	1(9.10%)	3 (27.27%)
Jumlah bilangan kekerapan	11 (100%)	4(36.37%)	7 (63.63%)

Jadual 4.3.5a memaparkan perbezaan jenis strategi panggilan mengikut gender.

Secara keseluruhannya, bagi fungsi menggunakan nama sendiri atau ‘First Name’ ketika membahasakan diri menunjukkan perbezaan yang tidak ketara di antara responden kanak-kanak perempuan dan lelaki iaitu masing-masing 3 kali atau 27% dan 4 kali atau 36%. Namun begitu, fungsi menggunakan ganti nama diri seperti ‘watashi’, ‘boku’ dan ‘ore’ menunjukkan perbezaan yang agak ketara antara kedua-dua gender. Responden kanak-kanak lelaki kelihatan lebih banyak menggunakan ganti nama diri tersebut sebanyak 3 kali atau 27.27%. Oleh itu, hasil dapatan ini jelas menyokong hasil kajian oleh Niyekawa (1991) yang menyatakan bahawa kanak-kanak lelaki mula menggunakan ganti nama diri lebih awal berbanding kanak-kanak perempuan.

4.3.6 Strategi Menggunakan *Malaysian English*

Jadual 4.3.6: Kekerapan Penggunaan *Malaysian English*

Jenis Strategi Malaysian English	Bilangan kekerapan
Penggunaan ‘one’ di hujung ujaran	1 (33.3%)
Penggunaan ‘lah’ di hujung ujaran	2 (66.7%)
Jumlah bilangan kekerapan	3 (100%)

Jadual 4.3.6 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi *Malaysian English* di kalangan responden kanak-kanak Jepun dalam kajian ini. Merujuk kepada data di Jadual ini, strategi ini hanya digunakan sebanyak 3 kali sahaja. Ini adalah kerana, berdasarkan kepada Lampiran 4.2, kanak-kanak yang menggunakan strategi ini adalah kanak-kanak Jepun yang mempunyai latarbelakang ibubapa yang berkahwin campur. Dalam situasi ini, seorang responden kanak-kanak yang terlibat, mempunyai ibu berbangsa Jepun dan bapa yang berbangsa Cina dari Malaysia. Manakala, seorang lagi responden kanak-kanak mempunyai ibu yang berbangsa Korea dan bapa yang berbangsa Cina dari negara Cina. Adalah sesuatu yang luar biasa bagi kes ini kerana penggunaan strategi *Malaysian English* menurut (Kuang, 2002) selalunya berlaku di kalangan kanak-kanak atau rakyat Malaysia sahaja. Selain dari itu, dapatkan juga menunjukkan faktor persekitaran juga mempengaruhi penggunaan *Malaysian English* dalam kalangan kanak-kanak asing di Malaysia (Noor Azmira, 2001).

i) Strategi *Malaysian English* Mengikut Gender

Jadual 4.3.6a: Perbezaan Jenis Strategi *Malaysian English* Mengikut Gender

Jenis strategi <i>Malaysian English</i>	Bilangan kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Penggunaan <i>one</i> di hujung ujaran (dalam bahasa Inggeris)	1 (33.33%)		1 (33.33%)
Penggunaan ‘lah’ di hujung ujaran (dalam bahasa Inggeris)	2 (66.67%)		2 (66.67%)
Jumlah bilangan kekerapan	3 (100%)		3 (100%)

Jadual 4.3.6a menunjukkan perbezaan jenis strategi *Malaysian English* mengikut gender responden kanak-kanak. Data yang tertera di jadual ini menunjukkan

kedua-dua jenis strategi ini hanya digunakan dalam perbualan dua orang kanak-kanak lelaki yang berdarah kacukan (rujuk Lampiran 4.1, sesi 8).

4.3.7 Strategi *Negative Labelling* / Gelaran Berunsur Negatif

Jadual 4.3.7: Kekerapan Penggunaan Strategi *Negative Labelling*

Jenis Strategi ‘Negative Labelling’ / Gelaran berunsur negatif	Bilangan Kekerapan
Kiita Yatsu	1 (25%)
Uso Tsuke (Pembohong)	1 (25%)
Sonna Ero / Anna Ero	2 (50%)
(Budak Gatal Tu / Budak Gatal Macam Itu)	
Jumlah Bilangan Kekerapan	4 (100%)

Jadual di atas menunjukkan kekerapan penggunaan strategi *negative labelling* oleh responden dalam kajian ini. Jumlah bilangan kekerapan bagi strategi ini adalah 4 kali. *Negative labelling* atau gelaran berunsur negatif berlaku apabila responden tidak bersetuju atau tidak menyukai tuduhan yang dilemparkan kepadanya dan secara spontan mengeluarkan gelaran negatif kepada pendengar untuk memuaskan hati responden tersebut.

i) Strategi *Negative Labelling* / Gelaran Negatif Mengikut Gender

**Jadual 4.3.7a: Perbezaan Jenis Strategi *Negative Labelling* /
Gelaran Negatif Mengikut Gender**

Jenis strategi <i>Negative Labelling</i>	Bilangan kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
kiita ‘YATSU’	1 (25%)	0	1 (25%)
‘USO TSUKE’	1 (25%)	1 (25%)	
ANNA ERO	1 (25%)	1 (25%)	
SONNA ERO	1 (25%)	1 (25%)	
Jumlah bilangan kekerapan	4 (100%)	3 (75%)	1 (25%)

Jadual 4.3.7a menunjukkan perbezaan jenis strategi *negatif labelling* atau gelaran negatif mengikut gender. Berdasarkan dapatan kajian ini, responden kanak-kanak perempuan mencatatkan jumlah peratusan yang lebih tinggi berbanding responden kanak-kanak lelaki iaitu sebanyak 75%. Ini disebabkan oleh berlakunya situasi ketidakpuasan hati responden kanak-kanak perempuan terhadap kenyataan atau tuduhan yang dilemparkan oleh kanak-kanak lelaki terhadap mereka dalam beberapa situasi dalam kajian ini (rujuk lampiran 4.1).

4.3.8 Strategi Pengulangan

Jadual 4.3.8: Kekerapan Penggunaan Strategi Pengulangan

Jenis strategi pengulangan mengikut fungsi	Bilangan kekerapan
Untuk menegaskan sesuatu perkara	5 (83.3%)
Untuk mendapatkan respons	1 (16.6%)
Jumlah bilangan kekerapan	6 (100%)

Jadual 4.3.8 menunjukkan kekerapan penggunaan strategi pengulangan. Hasil dapatan kajian memaparkan fungsi untuk menegaskan sesuatu perkara lebih banyak (83.3%) digunakan oleh responden kanak-kanak dalam kajian berbanding fungsi untuk mendapatkan respons. Ini menunjukkan responden kanak-kanak dalam kajian ini akan mengulangi kata-kata mereka beberapa kali untuk menegaskan tentang sesuatu perkara.

i) Strategi Pengulangan Mengikut Gender

Jadual 4.3.8a: Perbezaan Jenis Strategi Pengulangan Mengikut Gender

Jenis strategi pengulangan	Bilangan kekerapan	Gender	
		Perempuan	Lelaki
Untuk menegaskan sesuatu perkara	5 (83.3%)	1(16.67%)	4(66.66%)
Untuk mendapatkan respons		1(16.67%)	1(16.67%)
Jumlah bilangan kekerapan	6 (100%)	2(33.33%)	4(66.66%)

Jadual 4.3.7a menunjukkan perbezaan jenis strategi pengulangan mengikut gender. Responden kanak-kanak lelaki mencatatkan jumlah bilangan kekerapan yang tinggi bagi fungsi untuk menegaskan sesuatu perkara berbanding kanak-kanak perempuan. Berdasarkan dapatan kajian, hal ini berkemungkinan memaparkan kanak-kanak lelaki yang ingin menonjolkan sifat yang maskulin dan lebih menunjukkan kuasa.

4.3.9 Rumusan

Daripada bahagian 4.3 ini, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa strategi pertanyaan paling banyak digunakan. Kajian juga dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak perempuan lebih cenderung menggunakan strategi pertanyaan ketika berinteraksi. Manakala kanak-kanak lelaki pula banyak menggunakan strategi pertanyaan dan strategi panggilan di dalam ujaran mereka. Selaras itu, hasil dapatan ini menunjukkan responden kanak-kanak menyampaikan berbagai-bagai fungsi yang dinyatakan dengan

menggunakan pendekatan bertanya. Ini juga menunjukkan terdapat kaitan dengan penerapan nilai-nilai keharmonian dalam perhubungan antara mereka. Berdasarkan hasil dapatan di bahagian 4.1 yang menunjukkan strategi pertanyaan yang di peroleh sebenarnya bukan sahaja berfungsi sebagai satu pertanyaan secara langsung yang memerlukan jawapan. Sebaliknya, strategi pertanyaan didapati digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini bagi menunjukkan beberapa fungsi yang lain iaitu untuk memberi pendapat, mendapatkan kepastian, mendapatkan sokongan dan untuk menjaga perasaan. Dapat dirumuskan bahawa dapatan yang menunjukkan kanak-kanak perempuan lebih cenderung menggunakan strategi pertanyaan membawa kepada perkaitan di mana nilai-nilai keharmonian seperti empati, bekerjasama, hormat dan sopan itu lebih banyak dihasilkan oleh kanak-kanak perempuan berbanding kanak-kanak lelaki ketika membuat pertanyaan. Walau bagaimanapun, hasil dapatan ini juga telah disokong oleh hasil soal selidik yang diperoleh daripada pendapat 9 orang ibu kepada responden kanak-kanak Jepun prasekolah di bahagian 4.4.

4.4 Bahagian IV: Dapatan daripada Soal selidik

4.4.0 Pengenalan

Soal selidik ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas dari pihak ibu (yang dinamakan sebagai responden kedua) kepada kanak-kanak Jepun prasekolah, terhadap beberapa hasil dapatan kajian yang telah diperoleh mengenai strategi komunikasi kanak-kanak Jepun. Soal selidik ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi beberapa hasil dapatan kajian yang utama tentang strategi komunikasi kanak-kanak Jepun yang telah diperolehi melalui kajian ini. Soal selidik ini menumpukan kepada perkara-perkara yang berkenaan:

1. Pandangan atau pendapat ibu tentang panggilan nama diri anak
2. Gelaran nama yang berunsur negatif (*negative labelling*)
3. Penggunaan *Malaysian English* dan
4. Pemantauan ibu terhadap sikap anak secara keseluruhan.

Untuk tujuan soal selidik ini, 9 orang ibu telah dipilih secara rawak untuk memberikan maklum balas mereka. Soal selidik ini telah diedarkan kepada ibu-ibu yang menjemput anak-anak mereka ketika pulang dari tadika pada pukul 3 petang. Ibu-ibu yang telah dinamakan sebagai responden kedua dalam kajian ini, telah diberi masa selama seminggu untuk memulangkan jawapan soal selidik mereka. Seperti yang dinyatakan, hasil dapatan soal selidik ini dikira dalam bentuk peratus berdasarkan jumlah maklum balas dari 9 orang ibu kanak-kanak Jepun.

Sebagai soalan pengenalan, penulis telah mendapatkan pandangan ibu secara umum tentang gelagat atau sikap anak-anak mereka semasa bermain. (Butiran terperinci hasil

dapatkan untuk bab ini boleh dirujuk pada Lampiran 4-3). Tujuan soal selidik ini dilakukan adalah untuk mendapatkan pandangan responden kedua tentang cara mereka bermain bersama ahli keluarga mereka dan kekerapan anak-anak mereka bermain samada bermonolog, atau bersama ahli keluarga yang lain ketika di rumah. Merujuk pada Lampiran 4-3 yang menunjukkan maklum balas responden kedua (ibu) dalam soal selidik, 8 daripada 9 ibu-ibu telah berpendapat bahawa anak-anak mereka lebih gemar bermain sendirian sewaktu di rumah. Selain itu, 7 daripada ibu-ibu yang disoal selidik turut menyatakan bahawa anak-anak mereka juga bermain dengan mereka (ibubapa) atau dengan adik beradik mereka yang lain sewaktu di rumah. 5 dari ibu-ibu yang disoal selidik menyatakan bahawa anak-anak mereka juga bermain dengan anak patung mainan ataupun dengan gajet mainan yang lain.

Secara keseluruhannya, dapatan ini yang berasaskan pendapat 9 orang ibu berbangsa Jepun menunjukkan bahawa anak-anak mereka gemar bermain sesama ahli keluarga mahupun bermain sendirian. Namun ia terpulang kepada kesesuaian permainan yang dimainkan pada waktu itu.

4.4.1 Dapatan Soal Selidik

1. Kekerapan anak-anak bertanya kepada ahli keluarga di rumah

Dari aspek kekerapan anak-anak bertanya, kesemua ibu berbangsa Jepun yang disoal selidik menyatakan bahawa anak-anak mereka bertanya tentang pelbagai perkara yang ingin mereka ketahui. Contohnya, kelajuan sesebuah kereta berdasarkan jenama yang berbeza, atau tentang sesuatu perkataan yang baru didengar atau dipelajari ketika di tadika.


Ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak Jepun prasekolah dalam kajian ini seperti mana kanak-kanak lain mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi. Dapatkan ini juga menyokong hasil kajian tentang strategi pertanyaan yang paling kerap digunakan oleh responden kanak-kanak dalam bahagian 4.3.

2. Panggilan nama atau ganti nama diri bagi kanak-kanak Jepun

Berdasarkan soalan ini, 5 dari 9 orang ibu menyatakan bahawa anak mereka menggunakan nama sendiri atau ‘First Name’ (FN) apabila membahasakan diri mereka ketika bercakap dengan rakan-rakan ketika di prasekolah iaitu tempat dimana dapatan ini diambil. Menurut kajian soal selidik yang dijalankan, anak-anak biasanya mendengar ibu atau penjaga mereka memanggil nama anak mereka dengan panggilan ‘chan’ di pangkal nama mereka. Contohnya, nama ‘Momoko’ membahasakan dirinya ‘Momo’ sahaja (Panggilan dari ibu atau bapa adalah ‘Momochan’). Maka dari sini, anak-anak akan mengikut atau meniru cara ibu memanggil mereka.

Kajian juga telah menunjukkan 3 dari ibu yang disoal selidik memaklumkan bahawa kanak-kanak berumur di antara tiga hingga enam tahun ini telah mula menggunakan kata ganti nama diri mereka tapi masih mengekalkan penggunaan nama sendiri mengikut situasi. Selaras dengan konteks ini, penggunaan panggilan ‘Uchi’ untuk diri sendiri juga pernah digunakan bagi membahasakan dirinya sebagai ’watashi’ untuk perempuan atau ‘boku’ untuk lelaki sebagai ganti nama diri. Di samping itu, terdapat juga sesetengah ibu yang memberikan interpretasi bahawa panggilan ‘uchi’ untuk diri kanak-kanak perempuan pada masa ini menjadi semakin popular. Tidak kurang juga ada sesetengah ibu yang menjelaskan bahawa, penggunaan kata ganti nama diri dalam

kalangan anak-anak mereka bergantung kepada keadaan perasaan dan juga situasi di sekeliling mereka pada ketika itu. Selain itu, mereka (anak-anak) juga pernah membahasakan diri sebagai ‘ore’ (‘saya’ untuk lelaki) ketika berbual dengan kawan rapat mereka. Sungguhpun begitu, kebanyakan ibu-ibu ini mengharapkan anak-anak mereka akan menggunakan kata ganti nama diri seperti ‘*boku*’ dan ‘*watashi*’ bila tiba masa yang sesuai. Rujuk Lampiran 4-3 untuk dapatan kajian yang terperinci.




Rajah 4.4.2 Penggunaan nama diri anak apabila berinteraksi dengan ibu

Hasil dapatan soal selidik ini menunjukkan seramai 5 dari 9 orang ibu menyatakan bahawa anak mereka menggunakan nama sendiri ketika di rumah (Rujuk Rajah 4.4.2). Hasil dapatan ini telah menyokong kajian terdahulu yang dilakukan oleh Okubo (1967), Ide (1977), Clancy (1985) dan K. Nakamura (2001). Perkara ini juga telah menyokong kajian Ide & Yoshida (1999:471) yang dapat dilihat pada Jadual 2.1. Maka, hal ini juga membuktikan bahawa dapatan yang diperolehi daripada bahagian 4.3 tentang penggunaan nama sendiri (*First Name*) yang didapati lebih banyak digunakan di kalangan kanak-kanak dalam kajian ini adalah perkara yang benar dan diakui.

3. Panggilan Ganti nama diri Anak

Berdasarkan dapatan kajian, 8 daripada 9 orang ibu menafikan keperluan untuk menegur atau membetulkan anak-anak mereka jika anak-anak menggunakan panggilan nama pada umur yang tidak sesuai atau yang tidak sepatutnya.



Rajah 4.4.3. Teguran ibu atas panggilan nama diri anak-anak


Contohnya ibu-ibu menyatakan bahawa panggilan '*Watashi*' adalah lebih baik daripada '*Uchi*' untuk membahasakan diri mereka (kanak-kanak) tetapi tetap memilih untuk tidak menegur sehingga jika anak-anak mereka masih tidak berubah ketika berada di peringkat sekolah rendah nanti (Rajah 4.4.3). Sehubungan dengan perkara ini, Nakamura (2001) menegaskan bahawa penggunaan nama yang bersesuaian biasanya tidak di tegur oleh ibu tetapi selalunya ditegur atau dibetulkan oleh rakan sebaya. Walau bagaimanapun hasil dapatan kajian tidak menunjukkan sebarang data yang berkaitan dengan apa yang dinyatakan oleh Nakamura selain dari dapatan yang ditunjukkan di Rajah 4.4.3 untuk

mengesahkan perkara ini. Merujuk kepada Lampiran 4-3, hanya seorang daripada ibu-ibu berpendapat adalah perlu untuk membetulkan penggunaan panggilan nama diri yang sesuai terhadap anak mereka. Namun begitu, ini bergantung kepada tujuan, masa dan situasi ketika menggunakan. Contohnya, dalam kes ini, hanya N3 didapati akan menegur kesilapan anak mereka namun tegurannya hanya tertumpu mengenai kesilapan penggunaan antara ‘*boku*’ dan ‘*ore*’ sahaja. Menurut 8 orang yang lain, ibu-ibu tidak akan menegur kesilapan anak-anak jika anak-anak menggunakan panggilan nama yang tidak sesuai pada waktu bermain bersama rakan-rakan sebaya. Sebaliknya, jika menggunakan panggilan nama diri yang tidak sesuai ketika bercakap dengan guru atau orang dewasa yang lain, kesilapan anak-anak mesti ditegur.

Lampiran 4-4 di Jadual 6 menunjukkan bahawa ibu-ibu berpendapat iaitu pada peringkat umur antara 3 hingga 6 tahun, hanya pemerhatian dari jauh sahaja yang dilakukan terhadap perbualan sehari-hari anak-anak mereka tanpa mengambil serius tentang bagaimana anak membahaskan diri mereka. Ini bermakna selagi anak-anak menunjukkan rasa hormat kepada guru dan orang yang lebih dewasa, si ibu tidak akan menegur kesilapan atau membetulkan mereka pada peringkat usia prasekolah ini. Sepertimana yang dinyatakan penulis di awal perbincangan ini, dapatan ini dilihat mempunyai kaitan dengan kenyataan Nakamura (2001:40), yang menegaskan bahawa rakan sebaya telah didapati menjadi “*critical agent for enforcing social norms even for small children (age 3-6)*”. Menurut kajiannya lagi, 90% daripada kesilapan ketika perbualan telah diperbetulkan atau ditegur oleh rakan kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidak dapat disahkan kerana tiada sumber dapatan yang menunjukkan kebenaran kenyataan Nakamura.

4. Memberikan Gelaran Negatif atau *Negative Labelling* terhadap rakan.

“ **Ano ERO** to kekkon shitakunai” memberi maksud . “ Tak nak kahwin dengan **Budak Gatal tu...**.” ‘Ero’ adalah singkatan perkataan yang sebenarnya berasal dari perkataan bahasa Inggeris, ‘Erotic’. Ibu-ibu diminta memberi komen sama ada mereka akan menegur atau memberi respons terhadap anak-anak mereka jika anak-anak menggunakan perkataan sedemikian. Boleh dikatakan 4 orang ibu yang ditanya, menyatakan bahawa mereka pasti akan menegur anak mereka untuk tidak menggunakan gelaran negatif terhadap sesiapa sahaja. Ini kerana ibu-ibu berpendapat penggunaan perkataan yang mempunyai makna yang tidak elok ini akan menyakitkan hati atau menguris perasaan orang lain.



Rajah 4.4.4. Pendapat ibu tentang gelaran negatif yang diberi anak terhadap rakannya

Merujuk kepada Rajah 4.4.4, seramai 5 orang dari kumpulan responden kedua ini menyatakan bahawa sebagai ibu, mereka tidak akan terus menegur anaknya. Sebaliknya, ibu-ibu akan memberikan respons seperti memberi peringatan supaya anak-anak tidak menggunakan perkataan yang tidak pernah digunakan di rumah. Contohnya, perkataan-perkataan seperti “*baka*” , yang bermaksud “bodoh”, “*acchi ike*” (pergi sana) dan “*akkanbe*” yang digunakan semasa mengejek dan dilakukan berserta dengan perbuatan menjelirkan lidah sambil menekan mata kiri atau mata kanan ke bawah. Ada juga ibu-ibu yang tidak menggalakkan anak mereka menggunakan perkataan yang tidak sedap didengar seperti “*oshikko*” atau “*unchi*” yang bermakna “berak” dan “kencing”.

Namun begitu, ada juga ibu-ibu yang merasakan adalah lebih penting untuk memberi perhatian kepada sikap dan adab yang baik berbanding penggunaan perkataan yang tidak elok dan tidak sopan digunakan oleh kanak-kanak. Menurut mereka, adab dan sikap yang sangat baik adalah satu perkara yang lebih utama dan sangat penting untuk dipupuk. Seorang daripada ibu-ibu ini menyatakan bahawa, mengucapkan ‘selamat pagi’ dan ‘terima kasih’ apabila berjumpa atau ketika mendapat sesuatu dari orang lain adalah salah satu adab yang perlu diterapkan sejak awal usia lagi.

Di samping itu bagi ibu-ibu, mereka juga berpendapat bahawa mereka akan memberikan perhatian yang lebih serius terhadap penggunaan bahasa atau perkataan yang tidak elok dan yang tidak dibenarkan untuk digunakan di rumah. Jika mereka mendapati anak mereka adalah orang yang berkata seperti diatas, iaitu “ *Ano ERO to kekkon shitakunai* ” atau “Tak nak kahwin dengan *Budak Gatal tu . . .*”, ibu-ibu akan mengingatkan anak itu untuk memikirkan perasaan orang yang menerima gelaran negatif itu.


Menurut laporan soal selidik, responden kedua akan meminta anak mereka berfikir tentang perasaan orang yang digelar dengan panggilan nama yang tidak elok itu. Dapatkan ini menunjukkan ibu-ibu sedang menanamkan sifat empati atau ‘*omoiyari*’ di dalam diri kanak-kanak tersebut. Katanya, sudah pasti orang yang digelar sebegitu akan merasa tidak selesa , marah dan sedih. Selain itu, ada juga maklum balas dari seorang ibu yang menyatakan bahawa anaknya sering juga menyebut “*oh man*” dan “*stupid*” pada rakannya. Menurutnya perkataan-perkataan yang tidak elok didengar ini boleh dikatakan sebahagian daripadanya adalah berpunca daripada pengaruh televisyen. Rujuk dapanan kajian terperinci di Lampiran 4-3, Jadual 7.

Maka hasil daripada soal selidik menunjukkan menjaga perasaan orang lain ketika berinteraksi adalah satu perkara yang sangat diutamakan dalam budaya masyarakat Jepun walau dimana mereka berada. Sesungguhnya ini jelas membuktikan bahawa apa yang dinyatakan oleh Nagashima (1973) berkenaan pengajaran “*empathy*” dalam Bab 2 adalah benar. Hasil soal selidik ini juga turut disokong oleh pandangan Olson et al.(2001) yang menyatakan bahawa perkara yang paling tidak diingini oleh seorang ibu berbangsa Jepun ialah melihat anak mereka mempunyai ‘kekurangan sensitiviti sosial’.

5. Penggunaan *Malaysian English* dalam perbualan anak

Merujuk pada Lampiran 4-3, Jadual 8, 8 daripada 9 orang ibu memberikan pandangan yang positif tentang *Malaysian English*. Mereka menyatakan bahawa anak-anak mereka hanya bertutur dalam bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jepun baik di rumah mahupun di tadika. Seorang ibu berbangsa Jepun yang berkahwin dengan bapa berbangsa Korea menyatakan bahawa anaknya sering menggunakan perkataan “lah” seperti dalam “OKlah”

bila ada peluang untuk bercakap bahasa Inggeris dengan rakannya. Baginya, ini merupakan satu perkembangan yang baik. Di samping itu, terdapat juga ibu-ibu yang menyatakan bahawa anak-anak mereka hanya boleh memberi dan membalaucap ucapan-ucapan yang mudah-mudah sahaja dalam bahasa Inggeris. Lanjutan daripada isu ini, sesungguhnya ibu-ibu di sini mengharapkan agar anak-anak mereka dapat menggunakan beberapa perkataan bahasa Inggeris dalam perbualan sehari-hari mereka di samping rakan mereka yang berkebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris. 8 daripada 9 orang ibu memberi komen yang membawa maksud suatu perkara yang menarik walaupun anak-anak mereka dapat menyebut dalam bahasa Inggeris versi *Malaysian English*. Dalam erti kata yang berbeza, ibu-ibu ini memberikan maklum balas yang positif dan sangat teruja sekiranya anak mereka dapat menyebut suatu perkataan bahasa Inggeris pada tahap awal usia seperti mana responden kanak-kanak dalam dapatan kajian (iaitu B10 dan B12).



Rajah 4.4.5 Respons ibu-ibu tentang penggunaan *Malaysian English* di rumah

Rajah 4.4.5 jelas menunjukkan pandangan yang amat positif dalam kalangan ibu-ibu terhadap penggunaan *Malaysian English*. Meskipun, hasil dapatan bahagian 4.1

menunjukkan aplikasi *Malaysian English* di prasekolah Jepun ini hanya berlaku di kalangan anak kacukan Jepun-Malaysia yang berbangsa Cina dan anak kacukan Jepun-Korea. Dalam menghalusi isu yang diketengahkan, didapati kanak-kanak yang berbangsa Jepun-Korea adalah rakan yang rapat dan sering berbual dengan seorang rakannya yang berbangsa Jepun-Malaysia (berbangsa Cina). Penggunaan ‘lah’ dan ‘one’ dalam ujaran bahasa Inggeris, walaupun tidak banyak digunakan di tadika ini, namun adalah sesuatu yang unik kerana ia berlaku di sebuah tadika asing yang menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa utama. Ini juga membuktikan kajian Tay (1977), Soh(1984), Zaidan (1994:138), Kow (2000) dan Kuang (2002) yang mendapati partikel ‘lah’ yang berasal dari bahasa Melayu yang juga adalah pengaruh daripada bahasa Cina ini digunakan dengan meluas.

4.4.2 Rumusan daripada Keseluruhan Responden Kedua Tentang Tingkah laku dan bahasa yang digunakan oleh kanak-kanak Jepun prasekolah

Berdasarkan Lampiran 4-3, Jadual 9, pelbagai maklum balas dari ibu-ibu telah diperolehi berkenaan tingkah laku atau sikap anak-anak yang diperoleh daripada dapatan kajian ini. Kebanyakan dari ibu-ibu mengharapkan anak-anak mempunyai sikap yang lebih positif semakin mereka meningkat usia. Pemalu, rajin, mendengar kata, baik hati, ceria, beradab, mempunyai perasaan simpati terhadap kawan dan adik beradik merupakan antara jawapan yang diberi oleh responden kedua (ibu responden kajian). Namun begitu, ada juga ibu-ibu yang menyatakan bahawa sebagai ibu, kadang-kadang sikap dan kerenah anak-anak menguji kesabaran mereka. Hal ini demikian kerana sesetengah anak-anak pada tahap umur ini, sukar untuk menerima pendapat atau nasihat ibu bapa mereka. Contohnya, mereka bercakap mengikut gerak hati tanpa memikirkan perasaan pasangannya, terlalu

pemalu sehingga membataskan pergaulan, terlalu risau jika membuat kesalahan atau kesilapan. Menurut hasil dapatan soal selidik juga, maklum balas dari seorang ibu memaklumkan bahawa anaknya tidak langsung membalaucap setelah menerima ucapan ‘selamat pagi’ dari orang yang pertama kali ditemuinya adalah sesuatu yang tidak baik. Senario ini khususnya berlaku apabila anaknya bertembung dengan orang asing yang langsung tidak boleh berbahasa Jepun.

Walaubagaimanapun, berdasarkan dapatan kajian bahagian ini, kumpulan responden kedua (ibu-ibu) ini tidak mengharapkan anak-anak mereka akan berubah secara mendadak. Ini kerana ibu-ibu sangat yakin bahawa pada peringkat umur ini adalah peringkat dimana penyesuaian diri seseorang kanak-kanak berlaku. Secara keseluruhannya, dapatan kajian bahagian ini juga telah menunjukkan bahawa bagi masyarakat Jepun, sikap ‘*omoiyari*’ atau prihatin terhadap perasaan orang lain itu adalah sangat penting untuk diterapkan sejak tahap umur prasekolah lagi walau di mana mereka berada. Hasil dapatan soal selidik ini juga telah disokong oleh kajian Tobin et al. (1989:190), Lebra (1976), Nagashima (1973) di bahagian 2.5.